


Jilid III
Bil. 17



Hari Khamis
5hb Disember, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3581]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) [Ruangan 3633]

Rang Undang-undang (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 3686]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T. P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S. K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- PUAN HAJjah AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K.(Perlis).
- „ PUAN HAJjah HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).

Yang Berhormat TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).

TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)

DATUK JAMES RWARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).

„ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).

„ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).

„ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).

„ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).

„ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).

„ DATOK KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T.J.P. (Dilantik).

„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).

„ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).

„ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).

„ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).

„ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).

„ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).

„ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).

„ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).

„ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)

„ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).

„ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).

PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

TUAN NGAH POI, P.P.N., JP. (Melaka).

DATO DR K.S. NIJHAR (Dilantik).

TUAN M.G. PANDITHAN (Selangor).

TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

„ DATO G.PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N. P.J.K
(Dilantik).

„ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A.S. DAWOOD
(Dilantik),

TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).

„ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).

TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N.(Dilantik).

TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).

TUAN D.P. VIJANDRAN (Dilantik).

TUAN WONG YAU KET (Sabah).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.
Penyunting Kanan: P. B. Menon.
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Khamis, 5hb Disember, 1985***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua memperkenankan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTAYAAN-
PERTANYAAN**

**PENERBITAN LUCAH
DIPASARAN**

1. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat berbagai jenis dan siri buku novel dan cerita keganasan, jenayah serta lucah, dijual berleluasa dalam pasaran di negara ini. Jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mempastikan rakyat negara ini terutamanya pelajar-pelajar dan belia-belia membaca buku-buku yang berunsur kekeluargaan, kemasyarakatan serta mempunyai nilai moral.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedar tentang adanya penerbitan-penerbitan yang memuatkan unsur-unsur jenayah, keganasan dan lucah dijual di pasaran di negara ini. Justeru itu, pemeriksaan mengejut telah dibuat di kedai-kedai buku bagi memastikan bahawa penerbitan-penerbitan tersebut tidak dijual.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga sekarang Kementerian Dalam Negeri telah mengharamkan sebanyak 68 buah tajuk penerbitan di bawah Seksyen 7 (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984. Kementerian juga telah merampas sejumlah kira-kira 16,772 naskah penerbitan yang tergolong dalam 18 tajuk dari pengedar di Kuala Lumpur pada 29hb Ogos, 1985 kerana mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan nilai-nilai mulia masyarakat Malaysia.

Di samping tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian, adaiah menjadi tanggungjawab masyarakat untuk sama-sama menjauhkan diri daripada membaca atau mendekati mana-mana penerbitan yang bertentangan dengan hasrat dan nilai-nilai masyarakat.

Dato' G. Pasamanickam: Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbang satu panel yang terdiri daripada ahli-ahli terpelajar dari kakitangan Kerajaan dan public untuk menapis semua buku-buku terbitan dalam negeri dan import dari luar negeri?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita mempunyai pegawai-pegawai yang begitu berpengalaman yang menjalankan tugas menapis buku-buku yang diterbitkan di dalam negeri ataupun di luar negeri, maka tidaklah wajar bagi Kerajaan menimbang cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya iaitu adakah Kementerian ataupun pihak Polis menyiarkan tajuk buku-buku lucah ini supaya tidak dipasarkan kepada penjual-penjual buku. Kadangkala iklan-iklan ini tetah disiarkan di akhbar-akhbar yang mana penjual-penjual buku telah memesan buku-buku ini tetapi setelah sampai, dijual di kedai-kedai buku, buku-buku ini pula dirampas oleh pihak Polis dan ini telah mengalami kerugian kepada pengedar-pengedar buku kerana mereka tidak menyedari bahawa buku itu adalah disenaraikan sebagai buku yang telah diharamkan. Adakah pihak Polis juga akan membayar balik segala kerugian yang telah ditanggung oleh pengedar-pengedar buku yang mana mereka ini adalah di luar daripada pengetahuan yang mana buku-buku itu telah pun diharamkan oleh pihak Polis?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi aturan bagi Kementerian menyediakan senarai yang diedarkan kepada penjual-penjual dan pengedar-pengedar di kedai-kedai buku di seluruh negara. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap penjual dan pengedar-pengedar buku untuk memastikan bahawa buku-buku ataupun majalah-majalah yang mereka pamerkan untuk dijual tidak menyalahi undang-undang. Saya berasa yakin bahawa tiap-tiap penjual dan pengedar-pengedar di negara kita menjang mengetahui undang-undang ini, Jadi tidaklah menjadi sebagai excuse, dengan izin, kepada mereka untuk menyatakan bahawa kami tidak tahu bahawa tajuk-tajuk buku ini telah pun diharamkan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri

daripada 18 tajuk buku yang dapat ditangkap itu daripada bahasa-bahasa apa?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kesemua 18 tajuk buku-buku yang telah dirampas pada 29-8-1985 yang saya sebutkan tadi adalah dalam Bahasa Malaysia.

PENCEROBOHAN NELAYAN ASING DI PANTAI TIMUR

2. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan tegas diambil untuk mencegah pencerobohan nelayan asing yang semakin berleluasa diperairan Pantai Timur Semenanjung khasnya Terengganu dan Kelantan; dan
- (b) berapa jumlah tangkapan ke atas nelayan asing dibuat sepanjang tahun ini dan apakah bentuk hukuman yang telah dikenakan serta jumlah denda yang dipungut.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perairan Malaysia sentiasa dikawal oleh Tentera Laut Diraja Malaysia dan Polis Merin daripada sebarang jenis pencerobohan termasuk nelayan-nelayan asing. Rondaan-rondaan telah pun dipertingkatkan dewasa ini memandangkan bilangan pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing yang telah bertambah. Walau bagaimanapun, keadaan tidak membimbangkan dan nelayan-nelayan kita tetap diberi perlindungan yang berterusan.

Selain dari itu, pihak Polis juga mengambil langkah-langkah pengawalan seperti beriku:

- (1) menempat dan menugaskan anggota Pasukan Polis Hutan di kawasan tertentu pantai dan pulau-pulau yang sensitif;

- (2) pemeriksaan oleh anggota Pasukan Polis Hutan dan Polis Merin di pulau-pulau yang didiami orang dari masa -ke semasa untuk menentukan keselamatan penduduk;
- (3) meningkatkan rondaan dan sekatan laut dan serbuan oleh bot-bot PZ/PX dan peronda-peronda kecil jenis lain di kawasan strategik dan sensitif;
- (4) melaksanakan strategi-strategi operasi khas di kawasan yang difikirkan sensitif mengikut keperluan semasa; dan
- (5) penggunaan pesawat unit udara Polis Di-Raja Malaysia untuk mengesan dan melapor balik makluman-makluman kejadian pencerobohan ataupun melanggar undang-undang kepada peronda-peronda yang bertugas.

Sehingga akhir bulan November 1985, daripada 16 buah bot nelayan asing yang ditangkap, 15 buah berasal daripada Thailand dan sebuah daripada Singapura dan ia melibatkan 134 orang Thai dan 3 orang Singapura.

Sehingga sekarang 5 buah bot Thai dari 16 buah bot tersebut telah dirampas atas perintah mahkamah sementara nasib bot-bot lain menunggu pembicaraan. 60 orang crew dari 5 buah bot tersebut telah dikenakan denda sebanyak \$1,000 seorang di mahkamah dan oleh kerana mereka gagal membayar denda, mereka telah dipenjarakan. Jumlah denda yang dipungut adalah sebanyak \$5,600 sehingga bulan Ogos, 1985 ini.

PROTON SAGA—PASARAN

3. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sehingga kini berapa banyakakah kereta Proton Saga telah dijual dan

berapa banyak pula yang ditempah; adakah negara-negara luar membuat tempahan kereta Malaysia ini dan negara manakah yang menempahnya.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana terdapat persaingan hebat dalam perniagaan kereta, maka adalah didapati tidak wajar diumumkan angka mengenai penjualan dan penempahan kereta Proton Saga.

Pihak Proton dan EON telah menerima pertanyaan dari beberapa buah negara di luar negeri untuk mengimport kereta Proton Saga. Antara negara-negara tersebut ialah Australia, Austria, Baharin, Bangladesh, Brunei Darussalam, Canada, China, Cyprus, Eropah, Pulau Fiji, Ireland, Norway, Oman, Sri Lanka, Scandinavia, United Kingdom, Amerika Syarikat, Egypt (Mesir), Saudi Arabia, Singapura, Hong Kong, Switzerland dan Thailand.

Walau bagaimanapun satu kajian yang teliti pada ketika ini sedang dijalankan untuk mengkaji kemungkinan Proton memasuki pasaran luar negeri.

Puan Hasanah binti Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, mendengar daripada laporan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan banyak negara yang menempah. Macam mana dengan Jepun? Tidak inginkah menempah kereta Malaysia. Satu lagi, betulkah tempahan dalam negeri pun sekarang sudah memakan masa khabarnya sampai empat bulan?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan negara Jepun ini, mungkin oleh kerana Kereta Nasional kita ini adalah usahasama di antara negara kita dan satu syarikat daripada negara Jepun

iaitu Mitsubishi Corporation, barangkali Jepun pun merasa sudah puas hati dengan adanya jenis teknologi kereta mereka ini yang digunakan di Malaysia ini. Tetapi dalam perasaan saya, di masa-masa akan datang Jepun mungkin juga akan melanggan Kereta Nasional kita ini barangkali apabila kita mengadakan model seterusnya daripada yang ada sekarang. Sukalah juga saya menyatakan iaitu Proton bukanlah bertujuan untuk mengubah model yang ada sekarang, tetapi itu dugaan saya sahaja, mungkin di masa hadapan Jepun akan menunjukkan minat mereka dengan lebih tegas lagi dengan metangan Kereta Nasional kita ini.

Yang kedua, tempahan yang telah diterima oleh EON, Syarikat Pengedar Kereta Nasional kita ini, sebenarnya adalah begitu banyak sedangkan pembuatan kereta kita ini hanya satu saluran sahaja yang digunakan pada tiap-tiap hari. Itulah sebabnya terlambat sedikit tetapi sukalah saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya Proton dan EON berusaha berhabis-habisan untuk mengeluarkan beberapa unit pada tiap-tiap hari ataupun tiap-tiap bulan.

Sementara itu kita perlulah mempertahankan kebaikan pemasangan kereta ini, tiap-tiap satu unit mestilah terjamin bahawa pemasangan kereta itu adalah dengan sempurna dan itu juga yang menyebabkan ianya memakan masa yang agak panjang untuk menyiapkan satu kereta daripada mula sampai keluar dia daripada kilang.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati bila mendengar apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, hampir separuh dunia sudah memesan kereta Proton Saga. Negeri-negei itu, saya sendiri pun tidak ingat. Nampaknya kilang Proton Saga, di

Puchong, Shah Alam ini tidak cukup kalau menurut pesanan negeri-negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada yang mengatakan bahawa Proton Saga ini ada terdapat kepanasan enjinnya, "over-heating", dengan izin. Apakah benar Proton Saga ini betul-betul sudah "over-heating" dan setengah-setengahnya mengatakan bahawa enjin Proton Saga ini tidak dapat dipasarkan di pasaran Amerika, direjct, tidak boleh dipakai, jadi dipasangkan kepada Proton Saga. Dan juga betulkan "rubbing strip" dekat pintu kereta itu selalu bocor. Kalau lah terdapat kelemahan-kelemahan ini dalam pemasangan kereta Proton Saga ini, saya berharaplah supaya Kereta Nasional kita ini dapat diperbaiki. Ini cuma teguran saya sahajalah, saya takut kenapa, China pun juga salah satu daripada negeri yang disenaraikan yang memesan kereta ini. Kalau satu sahaja rakyat China mengoder, seluruh Malaysia ini tidak cukup kilang motokar kita. Saya harap apa yang saya soalkan di sini, soal kepanasan enjin ini, ada dua tiga orang yang memakai kereta ini mengatakan betul, tetapi cuma kereta 1,300 c.c. sahaja, bukan 1,500 c.c.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, yang tadi itu sebenarnya hampir 30 yang disenaraikan dan dibaca tadi. Negara itu kalau tidak salah saya 24 atau 26, baru saya kira sebentar tadi di pejabat. Sebenarnya janganlah salah anggapan, kerana saya kata pihak Proton dan EON telah menerima pertanyaan daripada beberapa buah negara, saya tidak mengatakan memesan, menerima pertanyaan, bukan melanggan, jadi ada lain sedikit. Order dan meminta imformation adalah dua perkara. Itu lebih kurang ada 30 negara yang bertanya mengenai dengan kereta kita ini.

Keduanya, mengenai kepanasan itu Ahli Yang Berhormat telah menjawab spalannya sendiri iaitu model yang 1,300 s.s. itu, kalau naik bukit dan pasang "air-con" sekali, barangkali juga kalau terlalu menginjak minyak itu, pijak minyaknya itu dan naik bukit, dia menjadi panas sedikit. Tetapi ini laporan dan pada masa ini Proton dan EON sentiasa mengkaji apa sahaja teguran yang diterima mengenai dengan Kereta Nasional kita ini termasuk apa sahaja kekurangannya ataupun apa sahaja kelemahannya kita akan tinjau.

Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia keseluruhannya menghiraukan bahawa ini adalah pengeluaran Kereta Nasional kita yang pertama kalinya. Takkallah pula model yang baru keluar dalam dua bentuk c.c. ini boleh dibandingkan dengan Mercedez 280 atau Mercedez 350 atau BMW 7—series dan sebagainya. Ini adalah satu kereta yang masih kita merendahkan diri, mudah-mudahan dia akan dapat berjalan dengan baik dan supaya rakyat kita terutama golongan-golongan yang berpendapatan rendah itu mendapat hasil daripada Kereta Nasional ini, terutama sekali kerana harga kereta ini sangat competitive iaitu boleh tahan kepada golongan-golongan yang lebih rendah di dalam negara kita ini yang ingin memiliki kenderaan empat roda iaitu satu kereta.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi beritahu ada juga satu kereta kalau naik bukit ada panas keadaannya bagitu, nampaknya Kerajaan sendiri sudah tahu memang kereta ini tak berapa baik, tetapi makin lama makin boleh jadi betul, bolehkah begitu? Kalau begitu, ada juga kawan dengar daripada penjual-penjual dalam pasaran memang kereta ini tak berapa baik begitu, tetapi saya dengar dakyah-dakyah ini palsu

mengenai Proton Saga sehingga kadar penjualannya dikatakan telah merosot sekarang. Kalau begitu, apakah tindakan. Kerajaan boleh ambil ke atas pihak yang keluarkan berita palsu bagitu.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, memang itu tidak betul sebab baru juga tadi Ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan asal ini telah bertanya dalam soalan tambahan, iaitu beliau telah pun mengatakan kenapa begitu lambat sampai 3, 4 butan menunggu baru dapat satu Proton. Itu jelas menunjukkan yang pelanggan banyak dan pembeli banyak. Jadi manalah pula mengatakan merosot jualan ini sedangkan ada yang marah kerana sampai 3-4 bulan menunggu kereta dapat diterima dan kunci dapat dipegang. Itu memang sama sekali tidak betul.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat Dato Pasamanickam tadi itu memang ada ura-ura yang mengatakan ada sabotaj terhadap kereta nasional ini dan pihak Proton dan EON memang menghiraukan sama ada betul mendengar dakwaan-dakwaan ini. Pada ketika ini belum adalah yang tegas sesuatu yang tidak baik yang dibuat seperti itu dan sekiranya ada yang jelas berbuat tidak baik seperti itu, kita akan mengambil tindakan sewajarnya.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Proton Saga sudah termasyhur di mana-mana juga, kita tengok Proton, Proton, Proton. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk hendak menggantikan kereta-kereta rasmi yang dipakai oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parliment yang dipakai pada hari ini kepada Proton Saga? Jika ada cadangan itu, bila, kalau tidak, mengapa? [Ketawa].

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, habislah jawapan-jawapan saya. Ada soalan seperti itu dalam dua minggu akan datang ini, saya hendak reserve untuk menjawab soalan itu, tetapi barangkali saya tak mahulah Ahli Yang Berhormat itu tertunggu-tunggu dalam "suspended animation", dengan izin. Jadi saya jawablah sekarang. Sebenarnya pada ketika ini, untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat 17 Menteri yang telah membeli Proton Saga dan hanya 6 yang tidak ada atau belum memiliki Proton Saga. Jadi itulah jawapan saya. Mereka ini tidak perlulah diajak untuk membeli kerana sudah pun mereka memiliki. Saya harap juga Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini juga berbuat demikian.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Soalan tambahan. Saya suka membetulkan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya bukan membeli, bilakah Kerajaan bercadang untuk mengantikan kereta-kereta Menteri-menteri kita. Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, iaitu kereta rasmi Kerajaan yang ada ini kepada Proton Saga. Kalau tidak, mengapa; kalau ya, bila? [Ketawa].

Datuk Dr James P. Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang Di-Pertua. Sebenarnya Menteri-menteri, pemimpin-pemimpin kita ataupun Kerajaan, bukan tidak mahu membeli kereta Proton Saga ini. Kebetulan seperti saya katakan awal sedikit tadi, keupayaan ataupun tenaga 1300 c.c. dan 1500 c.c. itu ada agak kurang sedikit. Kadang-kadang untuk kita menjalankan tugas kita itu terpaksa berkejar dengan cepat, berjalan dari sini ke Alor Setar kadang-kadang, dari sini ke Johor Bahru. Jadi memandangkan keupayaan-keupayaan seperti ini dan kesesuaiannya, barangkali kalau kita menggunakan Proton Saga itu

terhadlah sedikit keupayaannya, tetapi itu bukan mengatakan kita tidak gunakan. Sekiranya kita melawat Kelang ataupun Seremban bolehlah pakai Proton Saga. Jadi, barangkali pada ketika ini sedang dilihat sama ada sesuai atau tidak. Dari segi kesesuaian, bukan Kerajaan tak mahu beli sedangkan sekarang pun Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan, Agensi-agensi Kerajaan sedang digalakkan untuk menggunakan dan membeli Proton Saga ini mengikut kesesuaian kepada tanggungjawab-tanggungjawab dan tugas-tugas Kementerian-kementerian dan sebagainya.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya pun mengakui Proton Saga ini baik, tambah-tambah. tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri memberi jawapan macam Manager EON memberi jawapan dalam Dewan ini, tetapi bukan bererti Proton Saga ini ada kelebihannya tak boleh Hendak bawa sampai Alor Setar, bahkan kereta Datsun 120 pun boleh pergi jauh lebih daripada Alor Setar. Walau bagaimanapun, saya ingin tahu apakah sampai ketikanya Proton Saga ini diedarkan di negara-negara asing, apakah EON sendiri yang akan menjadi pengedarnya di negara itu atau pengedara akan dilantik daripada syarikat-syarikat yang dipunyai oleh anak negeri itu atau mana-mana syarikat di dalam negara kita ini akan dilantik sebagai pengedar bagi pihak EON di negara-negara itu?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan awal tadi kita belum lagi sampai ke tahap memasarkan kereta ini keluar negeri. Sebenarnya EON sedang memikirkan bagaimana melantik ejen-ejennya, pengedar-pengedarnya apabila sampai ke tahap itu. Jadi saya minta maaflah, buat masa

ini saya belum boleh memberi jawapan yang tegas mengenai dengan soalan itu.

Beberapa Ahli Yang Berhormat:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir sudah cukuplah mengenai Proton.

EKONOMI NEGARA

4. Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa antara 1975 dan 1984, wang sebanyak \$12,733 juta yang tercatat dalam akaun modal, imbalan pembayaran, adakah merupakan modal larian atau capital flight dari ekonomi negara ini; adakah ini merupakan ciri-ciri tragedi negara membangun, seperti Malaysia, di mana golongan elit lebih cenderung membawa modal, kekayaan dan tabungan mereka keluar negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, ingin saya jelaskan dua perkara. Pertama, akaun modal jangka panjang bagi tempoh 1975 ke 1984 mencatatkan lebihan aliran masuk bersih sebanyak \$40,825 juta. Kedua, akaun swasta jangka pendek bagi tempoh yang sama mencatatkan kekurangan aliran keluar bersih sebanyak \$13,091 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada angka-angka tersebut, saya percaya soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah mengenai aliran keluar bersih akaun modal swasta jangka pendek yang berjumlah \$13,091 juta. Perlu juga dijelaskan di sini bahawa aliran keluar bersih modal swasta jangka pendek sebanyak \$13,091 juta itu jauh lebih kecil daripada aliran masuk bersih modal jangka panjang sebanyak \$40,825 juta.

Tuan Yang di-Pertua, aliran keluar dan masuk modal swasta jangka pendek adalah merupakan

phenomena pergerakan modal yang biasa, terutamanya di dalam negara-negara yang mengamalkan sistem ekonomi yang terbuka yang tidak mengamal kawalan pertukaran wang asing yang ketat seperti di negara kita Malaysia.

Kerajaan telah mengambil usaha-usaha positif untuk mengatasi masalah ini dengan memajukan lagi sistem pasaran modal dan kewangan negara ini supaya pelabur-pelabur modal jangka pendek lebih berminat melabur dalam negara ini. Usaha-usaha ini ialah memberi amnesty kepada pendapatan komisyen yang dibayar di luar negeri kepada rakyat Malaysia atas perkhidmatan yang dilaksanakan di negara ini dan pengecualian cukai pendapatan bagi pendapatan yang diperolehi dari luar negeri oleh rakyat Malaysia hasil dari pelaburan atau perniagaan mereka. Usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan pengaliran masuk modal jangka pendek telah pun membawa kesan yang baik.

Bagi tahun 1985 akaun modal swasta jangka pendek dijangka mencatatkan lebihan iaitu sebanyak \$667 juta. Hakikat ini telah membolehkan cadangan luar negeri Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak \$2,210 juta dalam 10 bulan pertama tahun ini kepada \$11,867 juta kepada akhir bulan Oktober tahun ini.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah seperti berikut. Saya minta Yang Berhormat Timbaian Menteri menerangkan bahawa amnesty, dengan izin, terhadap wang yang dikumpul oleh rakyat Malaysia di luar negeri itu untuk dibawa balik untuk tahun Belanjawan pada tahun hadapan adalah merupakan satu bukti wujudnya phenomena modal larian.

Yang kedua, kalau itu sebagai bukti yang menyebabkan pihak Menteri Kewangan terpaksa membuat langkah

seperti tersebut, adakah ini bermakna bahawa segelintir daripada rakyat Malaysia lebih cenderung untuk mengekalkan modal dan simpanan wang mereka di luar negeri kerana tujuan untuk mengelakkan daripada membayar cukai atau untuk memenuhi cita rasa mewah mereka di luar negeri ataupun mereka kura'ng yakin terhadap keadaan di negara kita ataupun semata-mata untuk memanah kekayaan mereka dengan cara mempelbagaikan pegangan harta mereka sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, memang benar oleh kerana ada entrepreneurs Malaysia atau Malaysian adalah di dalam kumpulan yang menyimpan wang atau membawa wang ke luar negeri, tetapi phenomena ini bukan hanya di dalam negara Malaysia sahaja, tetapi di mana negara-negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka adalah jadi wang yang masuk dan keluar dari negeri mengikuti kedudukan atau confidence dalam sistem ekonomi negara masing-masing. Nasib baik di dalam negara kita ini selepas 28 tahun merdeka, masalah wang yang keluar dari negara kita ini sangat kecil dan langkah-langkah yang sekarang diambil oleh Kerajaan untuk menarik balik wang ini bukan langkah yang istimewa hanya di negara kita ini, tetapi juga langkah yang telah diambil oleh beberapa negara jiran di dalam region ini dan juga langkah ini pun diambil oleh negara yang telah maju.

Oleh kerana banyak negara atau semua negara di seluruh dunia sekarang menghadapi kemelesetan ekonomi, saya ingat langkah positif yang diambil oleh Kerajaan kita ini telah dan akan mendapat sambutan yang baik oleh warganegara kita ini yang kasihkan tanahair kita ini.

Juga galakan yang telah diberi kepada pelabur-pelabur pun telah mendapat sambutan baik oleh

pelabur-pelabur asing yang juga kalau mereka ingin melabur modal mereka dalam negeri kita ini, mereka mesti diberi confidence apabila ada untung, mereka boleh membawa wang keuntungan ini balik ke negara masing-masing. Oleh sebab itu, saya ingat kalau kita lihat wang modal swasta jangka pendek sebanyak \$13,091 juta ini bukan satu jumlah yang besar.

POS DAN TELEKOM— PERKHIDMATAN

5. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benar bahawa masih ada sungutan-sungutan orang ramai menyatakan perkhidmatan Pos dan Telekom masih tidak memuaskan. Jika benar apakah rancangan menyeluruh Kerajaan untuk mengatasi kelemahan perkhidmatan Pos dan Telekom.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada sungutan-sungutan orang ramai bahawa perkhidmatan telekom dan pos tidak memuaskan. Walau bagaimanapun, bilangannya adalah sangat kecil berbanding dengan bilangan pelanggan Jabatan Telekom yang pada setakat 1hb November, 1985 adalah 931,996 pelanggan ataupun berbanding dengan purata benda-benda pos yang dikendalikan oleh Jabatan Pos ini pada tahun 1985 adalah sebanyak 6.6 juta benda pos sehari dengan putaran wang tunai sebanyak \$9,033,088,679. Langkah-langkah telah dan terus diambil oleh Kementerian ini di Jabatan-jabatan berkenaan untuk memperbaiki dan meninggikan mutu dan kecekapan kedua-dua Jabatan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan di sini bahawa Kementerian saya sentiasa

berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi tntutu perkhidmatan telekom dan pos di negara ini.

Bagi Jabatan Telekom ini adalah jelas dari jumlah peruntukan sebanyak \$5.8 ribu juta yang telah disediakan bagi membangun rangkaian telekomunikasi di negara kita dalam Rancangan Malaysia Keempat. Jumlah peruntukan ini adalah merupakan 3 kali ganda peruntukan yang telah diluluskan bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Kesemua peruntukan ini ialah untuk memperluas dan mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi. Projek-projek yang sedang dan juga akan dilaksanakan termasuklah projek-projek untuk menambahkan talian rangkaian tempatan, peralatan ibusawat dan talian rangkaian jauh. Tiga projek induk yang terbesar sekali yang bernilai sejumlah \$4.8 ribu juta ialah rangkaian tempatan, rangkaian switch dan rangkaian jauh.

Selain dari projek-projek yang saya sebutkan tadi, satu projek yang dikenali sebagai, dengan izin, Customer Automated Service System (CASS) adalah sedang dirancang sekarang dan dijangka akan mula pelaksanaannya pada awal tahun 1987. Cas ialah satu sistem perkhidmatan pelanggan yang bercorak otomatis dan menyediakan kemudahan on line. Ia merupakan satu projek komputerisasi yang integrasi bagi setiap aktiviti dan detik kerja yang berkaitan dengan khidmat pelanggan-pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apabila semua projek ini siap dilaksanakan sepenuhnya nanti, pengguna-pengguna akan dapat merasai mutu perkhidmatan telekom yang lebih baik lagi.

Bagi Jabatan Perkhidmatan Pos pula, sebanyak \$94 juta telah diperuntukkan untuk Pembangunan

Perkhidmatan Pos dalam Rancangan Malaysia Keempat dan peruntukan yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah \$119.6 juta. Kesemua ini adalah untuk membangun dan mempertingkatkan Perkhidmatan Pos.

Langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkat Perkhidmatan Pos adalah:

- (i) Sistem Pos Kod Kebangsaan yang baru-baru ini telah diperkenalkan;
- (ii) Skim pinjaman membeli motorsikal kepada posmen menyerahkan akan memperkenalkan pada awal tahun 1986 dan ini akan kemaskin lagi perkhidmatan posmen;
- (iii) Membekal mesin-mesin penerimaan bil elektrik, air dan telefon. Ini lagi mempercepatkan penerimaan bil.

Setakat bulan November, 1985 terdapat 90 mesin penerimaan seperti ini. Jabatan Pos juga akan memperkenalkan sistem pengisihan secara menggunakan mesin otomatik pada pertengahan tahun 1984. Sistem tersebut adalah bertujuan bagi mempercepat dan memudahkan pengisihan serta penghantar mel-mel,

Pengenalan mini pos, setakat ini telah ditubuhkan sebanyak 4 mini pos secara percubaan dan beberapa buah lagi akan ditubuhkan berdasarkan kepada keperluan dan keadaan.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, cadangan telah dibuat untuk membina sebanyak 123 Pejabat Pos berbanding dengan 81 Pejabat Pos yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Keempat. Dengan langkah-langkah yang tersebut untuk memperbaiki dan mempertinggikan mutu meninggikan mutu perkhidmatan kedua-kedua jabatan

ini, saya yakin kelemahan-kelemahan yang terdapat sekarang akan dapat diatasi. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu projek Telekom Pos ini banyak belanja, besarnya belanja dan kita harap perkhidmatan telefon kita pun semuanya memuaskanlah. Pada masa sekarang kalau kita katakan banyak yang tidak memuaskan itu, saya ingat Menteri pun nanti banyak buat kertas kerja. Tetapi saya mahu soalannya perkara yang kecil sahaja. Yang besar-besar itu tidak payah. Yang soalnya soal TMO (Telegraphic Moner Order) yang dikirim dari Sabah ke Taiping mengambil masa selama 9 hari baru sampai. Jadi, di mana kecekapan ini? Jadi Pos Kod pun kita sudah introduce. Untuk pinjaman motorsikal kepada penyampai-penysampai surat pun sudah diluluskan tetapi kenapa kiriman Telegraphic Money Order paling lambat satu hari atau dua hari sifenerima mesti menerima, tetapi ini selama 9 hari. Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Kementerian ini berkehendak resit, saya boleh berikan.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ini agak terlalu spesifik. Jadi, saya tidak sedar bahawa kejadian ini ada berlaku dan pada hari ini saya dapat tahulah ada berlaku dan saya akan buat siasatan mengapa-perkara ini boleh berlaku sampai 9 hari, dengan pertolongan Yang Berhormat saya dapat buat siasatan dan mengkaji bagaimana masalah yang timbul sehingga begitu lambat,

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan rancangan-rancangan untuk melicinkan dan memperbaiki sistem pos dan telekom di seluruh negara sebagaimana yang

telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Tetapi dahulu kita memakai kebanyakan sistem wire di atas. Kita telah ubah kepada kabel di bawah tanah. Bila ditanya kepada pihak-pihak yang berkenaan, dia mengatakan sistem kabel di bawah tanah ini kurang ditimpa pokok, kurang bencana, maka sistem telefon akan lebih licin. Tetapi pada hari ini apa yang berlaku yang menjadi sungutan pelanggan-pelanggan ialah dengan keadaan hujan dan air di bawah tanah negara kita ini maka tiap-tiap joint kabel ini sentiasa ditenggelami air dan alat-alat yang rumit dan halus yang ada pada wire-wire kabel itu sentiasa berkarat. Dan itulah kita dapat telefon sekarang ini kalau dia rosak satu hari, dia baik satu jam, ataupun kadang-kadang pukul 11 siang dia rosak, petang dia elok balik, serupa olok-olok, Tuan Yang di-Pertua. Adakah ini pihak termasuk daripada skim perancangan yang hendak dibaiki dalam sistem CAS dan sebagainya yang akan dirancang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai posmen-posmen kenderaan motorsikal, tahun yang lepas dua kali dalam Dewan ini saya pernah bentangkan. Sekiranya Jabatan Pos akan melaksanakan pinjaman ini sudah tentu kita faham tidak akan sekali gus di seluruh negara, tetapi kenapa tidak dipilih tempat-tempat yang memang kedudukannya berbukit-bukau. Kita sangat kasihan malah posmen-posmen ini terpaksa kayuh basikal sedangkan posmen-posmen itu pada hari ini ada motorsikal sendiri. Kenapa tidak dibenarkan sahaja mereka ini memakai kenderaan mereka ini dengan diberi elauan sementara menunggu kelulusan-kelulusan pinjaman sebagaimana diumumkan. Sebagai contoh di pekan Tapah

umpamanya, cuma ada satu unit daripada 7 unit yang memakai motorsikal dan inilah yang menjadi rungutan. Adakah pihak Timbalan Menteri akan mempertimbangkan apa yang telah saya hujah itu.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama ialah tentang kalau dahulunya kita memasang overhead wire atau wire di atas, sekarang ini pakai "cable ducting" dan kita pasang dalam duct di bawah dan ini dikatakan selalu ditenggelami air dan akan merosakkan. Mengikut yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, kita memang secara moden dalam hidup hari ini memang kalau boleh sebanyak mungkin atau keadaan yang membolehkan kita memang turun ke bawah menanam kabel daripada di atas. Terutama dari segi keindahan dan memudahkan kerja bila duct sudah dibuat hanya kita masuk di dalamnya sahaja, makna menggali jalannya sekali sahaja. Mengikut projek kita selepas itu kita hanya tambah kabel dengan ada yang spare duct yang kita buat di bawah atau sesalur untuk memasukkan kabel.

Tentang air merosakkan joint dan sebagainya, mengikut yang saya tahu ini tidak mungkin berlaku sebab kabel-kabel ini disalut begitu rupa sehingga tidak boleh masuk air. Sekiranya ada ini dari segi teknikal perbuatannya atau masa memasangnya tidak betul. Kalau ini betul dipasang, tidak mungkin perkara-perkara ini yang disebutkan berkaitan dan sebagainya merosakkan kualiti telefon ini akan terjejas. Jadi, saya setakat hari ini belum lagi mendapat laporan bahawa sistem menanam kabel di bawah tanah ini sebagaimana yang dilaporkan itu tidak sesuai bagi negara kita ini sebab technically kita sudah ada jalan untuk mengatasi keadaan ini.

Tentang posmen pula memanglah kita merancang dan akan menjalankan

insya Allah pada tahun hadapan dan perancangan ini tentulah mengikut prioriti, mengikut keadaan yang mana yang lebih kita percepatkan sebagaimana kita hendak jalankan ini dengan berperingkat, dan tempat-tempat yang kritikal dahulu kita jalankan. Jadi, saya tidak dapat memberi jawapan secara tepat sama ada kawasan di mana Yang Berhormat datang itu akan dimulakan di peringkat pertama, tetapi boleh dipertimbangkan sekali dengan kawasan-kawasan lain yang kritikal sebagaimana yang disebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Latif: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa sungutan ada sedikit-sedikit tetapi sedarkan Yang Berhormat Menteri bahwasanya kejadian bil telefon banyak disungut oleh pengguna-pengguna kerana tidak seimbang dengan penggunaan telefon oleh pelanggan telefon.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Kalau soalannya sedar, memang Kementerian ini sedar tentang rungutan itu dan kami percaya dengan adanya pembaikan atau projek-projek yang kita hehdak jalankan memperbaiki perkhidmatan termasuk saya katakan tadi CAS sistem dan sebagainya tadi akan diharapkan dapat mengurangkan lagi rungutan-rungutan tentang bil telefon yang dikiraikan tidak seimbang dengan penggunaan itu akan dapat dikurangkan.

SENJATA NUKLEAR ISRAEL

6. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan adakah Malaysia mempunyai sikap berkecuali terhadap senjata Nuklear Israel serta sejauh manakah pendirian Malaysia terhadap tindak-tanduk Israel.

Timbalan Menteri Luar Negeri Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai dasar yang tegas di dalam persoalan penggunaan tenaga nuklear. Pendirian kita adalah supaya sebarang penggunaan tenaga nuklear hanyalah untuk tujuan dan faedah keamanan dunia, demi kesejahteraan hidup umat manusia.

Sebagai negara anggota kepada Perjanjian Antarabangsa mengenai Penggunaan Tenaga Nuklear untuk keamanan, Malaysia sama sekali menentang sebarang penggunaan tenaga nuklear sebagai senjata bagi menyelesaikan pertikaian politik oleh mana-mana negara sekalipun. Penggunaan tenaga nuklear sebagai senjata sudah pasti akan mengakibatkan kehancuran dan kebinasaan yang amat besar dan adalah jelas bercanggah dengan peruntukan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Artikel 2, Perkara 3 yang menitikberatkan penyelesaian sebarang pertelingkahan dengan secara aman.

Dalam ertikata lain, Malaysia akan terus menentang dan tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang usaha oleh mana-mana negara pun, lebih-lebih lagi rejim Israel yang ingin menggunakan tenaga nuklear sebagai senjata ke arah pencapaian kepentingan politiknya.

PAGAR SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND

7. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pagar di sempadan Malaysia/Thailand dapat mengawal penyeludupan dengan berkesan dan dapatkah pula menambah kutipan hasil jika dibandingkan dengan sebelumnya.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pagar Sempadan Malaysia/Thailand telah dapat

mengawal kegiatan penyeludupan dengan berkesan.

Pembinaan pagar keselamatan ini telah dapat mengawal pergerakan orang-orang keluar/masuk di sempadan. Dengan pertambahan orang-orang yang keluar/masuk melalui pintu-pintu masuk yang sah, maka hasil cukai Kastam telah bertambah dengan banyaknya.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, Sekiranya pagar sempadan itu berkesan dan memberi faedah kepada kutipan hasil dan sebagainya, mengapakah pula Kerajaan membuat wang ringgit untuk membuat tembok pula menggantikan pagar itu?

Dato Radzi bin Sheik Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana dimaklumkan bahawa rancangan Kerajaan iaiah membina tembok di sepanjang Sempadan Malaysia/Thailand.

Buat permulaannya kita membina pagar di tempat-tempat yang tertentu dan juga tembok-tebok di tempat-tempat yang strategik seperti di kawasan Padang Besar/Pekan Padang Besar dan kita percaya bahawa dengan pembinaan tembok ia akan lebih lagi memberi kesan yang lebih bermakna dan mungkin dari segi kutipan hasil akan kian bertambah.

Tuan Mohd. Noor bin Bedah: Soalan tambahan. Sekiranya pagar yang didirikan ini memberi kesan, adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina pagar itu di sepanjang sempadan dengan Thailand, maksud saya di sepanjang sempadan Malaysia/Thailand?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah seperti mana yang saya telah terangkan tadi matlamat kita untuk kesudahannya membina pagar dan tembok di seluruh kawasan sempadan Malaysia/Thailand.

REFINERY PETROLEUM DI PERAK

8. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Perdana Menteri menyatakan keadaan rancangan untuk mendirikan sebuah "refinery Petroleum" di Negeri Perak oleh sekumpulan peniaga-peniaga; bagaimana pula rancangan pihak Kerajaan atau PETRONAS bagi pembinaan sebuah refinery di Melaka.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya untuk memberi kebenaran atau kelulusan pada sekumpulan usahawan mendirikan sebuah refinery petroleum di negeri Perak.

Kelulusan ini adalah bersesuaian dengan konsep atau dasar penswastaan yang menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam aktiviti-aktiviti perindustrian.

Dalam hal ini, terpulanglah kepada pihak yang melabur itu untuk mempastikan bahawa projek yang hendak dijalankan itu berkemungkinan dilaksanakan (feasible) dan berdaya maju (viable).

Mengenai rancangan pembinaan Kilang Penapis Petroleum di Melaka, projek ini telah ditangguhkan selaras dengan dasar jimat cermat dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan dan sehingga kajian semula secara menyeluruh mengenai keperluan dan keupayaan penapisan minyak secara am dan kajian yang teliti mengenai projek ini khasnya selesai dijalankan dengan mengambil kira perkembangan-perkembangan yang berlaku sekarang dan pada masa hadapan dalam bidang industri petroleum.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun mencadangkan agar projek refinery di Melaka

ditangguhkan oleh kerana keadaan ekonomi yang kurang baik dan juga oleh kerana viabilitynya, dengan izin, tak begitu baik daripada segi jangka pendek, mahupun jangka panjang. Mengapa pula Kerajaan begitu senang sekali memberi persetujuan pula k pada sebuah lagi refinery ditubuhkan di negeri Perak. Walhal kita nampak dan kita sedar akan risiko-risiko yang begitu berat sekali dalam keadaan industri refinery dalam negara kita. Takut nanti setelah dibenarkan peniaga-peniaga ini menubuhkan sebuah refinery, apabila gagal dan kemudian Petronas pula akan dibebankan untuk mengambil semula refinery itu seperti yang terjadi kepada BMF dan lain-lain contoh.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, peringkat pertama soalan itu sudahpun saya jawab tadi, sejajar dengan dasar penswastaan.

Bagi menjawab soalan yang kedua itu, pada ketika ini Petronas sama sekali tidak ada kena mengena dengan cadangan refinery di Perak itu.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan balik soalan saya tadi. Kita nampak ada sedikit percanggahan tentang dasar Kerajaan, yang mana satu digalakkan jangan dibuat, tetapi satu lagi itu digalakkan supaya dibuat. Walhal kita nampak "viabilitynya" tak begitu baik untuk ditubuhkan sebuah refinery di negara ini, takut nanti setelah dibenarkan sebuah refinery ditubuhkan di negeri Perak, tiba-tiba tak laku, tak berjaya, maka dibebankan balik kepada Kerajaan untuk memulihkan semula projek itu dan takut nanti PETRONAS juga akan dibebankan untuk men"salvage"kan, dengan izin, projek refinery itu di Perak.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya begitu juga iaitu bahagian kedua soalan itu adalah tanggapan yang belum terjadi

pada ketika ini dan menurut Peraturan Tetap Mesyuarat, tanggapan tidak boleh dijawab. Bagaimana mahu menjawab yang belum terjadi hal itu, tetapi sebaik-baiknya saya hanya boleh mengatakan yang pada ketika ini, dalam hal ini, PETRONAS tidak ada kena mengena, tidak ada terlibat dalam perkara ini.

TAMBAK JOHOR— PENGGUNA-PENGGUNA

9. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengguna-pengguna jambatan Johor terlalu ramai terutama sekali pada hari-hari cuti, dan jika sedar sama ada beliau ada rancangan untuk membuat jambatan yang kedua; jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar terdapat bagitu ramainya pengguna-pengguna di Tambak Johor pada hari cuti yang sememangnya merupakan keadaan luar biasa. Ini berbanding dengan keadaan sebenarnya pada masa hari-hari biasa.

Sukalah saya menyatakan bahawa dengan terlaksananya usaha seperti menambahkan pondok-pondok Imigeresen, Kastam dan pondok Tol serta usaha melicinkan perjalanan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut adalah didapati bahawa Tambak Johor yang ada sekarang berkemampuan menampung pengguna-pengguna yang begitu ramai terdapat pada hari-hari cuti yang tersebut tadi.

Oleh itu, mengenai sama ada rancangan untuk membuat tambak yang kedua, sukalah saya menjelaskan bahawa sehingga ini tidak ada.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, di Johor Bahru sewaktu hari cuti dan hari kebesaran, kalau mahu pergi dari Johor Bahru ke

Singapura memang sekurang-kurangnya 3-4 jam, balik kadang-kadang, petang datang dari sana kalau mahu masuk Johor Bahru sampai satu hari malam, habis tak boleh datang. Apakah salahnya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu memandangkan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor sekarang, bolehkah Kementerian menimbangkan untuk mengadakan, dengan izin, "ferry service" di antara Singapura dan Johor Bahru untuk mengangkut melalui perjalanan dua hala.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menimbangkan, boleh. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim.

Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan saya nombor 10, saya mohon izin memaklumkan bahawa pertanyaan saya yang asal adalah ditujukan kepada Perdana Menteri dan bukan Menteri Pertahanan. Sekian.

HARI PAHLAWAN

10. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim: minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa upacara-upacara yang diadakan oleh Kerajaan Persekutuan pada Hari Pahlawan untuk memperingati pahlawan-pahlawan yang telah gugur hanya tertumpu kepada rakyat Malaysia yang beragama Islam sahaja. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan untuk melibatkan rakyat-rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam pada hari itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya telah diarah untuk

menjawab soalan ini kerana dikemukakan kepada Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, anggapan Ahli Yang Berhormat itu tidak tepat. Sebenarnya upacara-upacara yang bercorak keagamaan yang diadakan setiap tahun sempena menyambut Hari Pahlawan tidak hanya tertumpu kepada upacara keagamaan Islam semata-mata. Upacara keagamaan ini juga melibatkan agama-agama lain seperti Kristian, Buddha dan Hindu. Pada kebiasaannya upacara-upacara keagamaan ain-lain bangsa diwakilkan kepada pegawai-pegawai kanan tentera yang menyambut sesuatu agama itu mentadbirkan upacara-upacara keagamaan mengikut agama masing-masing di tempat-tempat ibadat mereka seperti di gereja, kuil dan sebagainya serentak dengan upacara-upacara keagamaan Islam seperti majlis tahlil, baca Yaasin dan sebagainya.

Apa yang nyata ialah liputan media massa seperti radio, televisyen dan akhbar banya tertumpu kepada upacara keagamaan Islam sahaja, jika adapun liputan-liputan bagi agama lain hanya sedikit benar dan ini memberi gambaran seolah-olah upacara keagamaan hanya tertumpu kepada agama Islam semata-mata.

Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan saya ini bukanlah kepada Kementerian Pertahanan, saya terlebih maklum bahawa angkatan tentera memang mengadakan upacara-upacara tentera yang disambut oleh tiap-tiap agama dalam angkatan tentera sahaja, tetapi soalan ini ialah mengenai Hari Pahlawan di peringkat kebangsaan iaitu yang saya maksudkan di sini Hari Pahlawan sama ada upacara ini diadakan oleh Kerajaan Persekutuan bukannya angkatan tentera. Maksud saya pada tahun yang lepas, pada 31hb Julai

Kerajaan telah mengadakan satu jamuan tahlil, upacara tahlil di Masjid Negara. Ini ialah menggantikan satu upacara yang dahulu-dahulu kita buat di mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menghadiri upacara di Tugu Negara.

Oleh sebab pada tahun yang lepas Duli Yang Maha Mulia tidak berkenan bersetuju dengan upacara sedemikian maka Kerajaan Persekutuan telah menukar upacara supaya orang-orang Islam pergi ke Masjid Negara umpsamanya dan masjid-masjid lain lagi untuk mensedekahkan doa kepada mereka yang telah gugur.

Jadi seperti saya kata tadi bukanlah soalan ini kepada Kementerian Pertahanan, saya sedia maklum apa yang telah terjadi dan sedang terjadi di dalam angkatan tentera tetapi maksud saya ialah peranan Kerajaan Malaysia pada hari tersebut. Sekiran.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya bahawa peristiwa-peristiwa menyambut hari memperingati Hari Pahlawan memang selalu diadakan di Masjid Negara, walaupun kebanyakannya mereka yang datang yang sembahyang di Masjid Negara ialah daripada anggota-anggota tentera, ini bukan bermakna peristiwa tersebut khasnya untuk angkatan tentera, bahkan untuk seluruh rakyat Malaysia yang ingin bersama-sama mengingati Hari Pahlawan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, memberi jawapan ini mana-mana Memteri pun boleh memberi jawapan. Pertanyaan kita buat tetapi mengikut Peraturan di sini mana-mana Menteri boleh memberi jawapan.

Sekarang tempoh untuk soal jawab pun sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 33 adalah diberi di bawah ini]

DASAR BELIA NEGARA

11. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Menyatakan:

- (a) apakah kandungan dan matlamat Dasar Belia Negara dan apakah ciri-ciri pencapaian ke matlamat memupuk Nasionalisme Teras Perpaduan itu yang akan Kerajaan laksanakan; dan
- (b) bagaimana pula dengan Dasar Belia dalam Islam, memandangkan Kerajaan sedang berusaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud) Satu Kertas Jemaah Menteri mengenai Dasar Belia Negara akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri minggu hadapan untuk mendapatkan pertimbangan dan persetujuan Kerajaan. Oleh itu adalah tidak wajar bagi saya mengumumkan apa-apa jua yang terkandung dalam dasar itu sebelum ianya dipersetujui oleh pihak Kerajaan. Saya akan mengumumkan kandungan dan matlamat Dasar Belia Negara sebaik sahaja ianya diluluskan oleh Jemaah Menteri.

PINJAMAN PERUMAHAN— KADAR-FAEDAH

12. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji untuk menurunkan kadar faedah bagi pinjaman perumahan kos rendah kepada 4% seperti kadar faedah yang dinikmati oleh kakitangan Kerajaan, jika ya bila dan jika tidak mengapa.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk membuat kajian bagi menurunkan kadar faedah pinjaman perumahan kos rendah kepada 4% setahun seperti kadar faedah yang dinikmati oleh kakitangan Kerajaan.

Kadar faedah sebanyak 4% yang dikenakan ke atas pinjaman perumahan bagi kakitangan Kerajaan adalah dibiayai oleh Kerajaan sebagai sebahagian dari syarat-syarat perkhidmatan bagi kakitangannya. Kadar faedah ini tidak seharusnya dibandingkan dengan pinjaman-pinjaman perumahan yang ditawarkan oleh institusi kewangan kerana institusi-institusi ini menjalankan operasinya dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang berpatutan.

IMPORT BAHAN-BAHAN MAKANAN

13. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Malaysia terpaksa mengimport bahan-bahan bernilai \$300 juta dan menjelang tahun 2000 angka ini diramalkan meningkat sehingga \$600 juta dan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah merasmikan penanaman pokok-pokok petai di Pahang dan sama ada skim ini akan dapat mengurangkan kadar pengimportan bahan-bahan makanan di samping meningkatkan taraf hidup petani-petani.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Adalah disedari bahawa Malaysia merupakan pengimport bersih bahan-bahan makanan. Peningkatan nilai barang-barang makanan yang diimport, sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh kenaikan harga komoditi-komoditi berkenaan. Walau bagaimanapun adalah tidak dinafikan terdapat pertambahan dari segi

kuantitinya. Antara komoditi-komoditi utama yang bertambah kuantitinya ialah jagung dan susu penuh krim di mana setakat ini adalah didapati bahawa komoditi berkenaan hanya boleh dikeluarkan di dalam negara dengan kos tinggi dan tidak ekonomi.

Menyentuh tentang penanaman pokok-pokok petai di Pahang untuk makluman Yang Berhormat, skim tersebut merupakan salah satu langkah untuk meningkatkan hasil keluaran makanan di negara kita, di samping meningkatkan taraf hidup petani-petani.

Untuk mengurangkan kadar pengimportan bahan makanan, Kementerian Pertanian telah pun merangka program-program bagi meningkatkan pengeluaran tanaman untuk makanan dan industri. Program ini ditumpukan kepada kawasan-kawasan sawah terbiar dan juga kawasan-kawasan padi bermasaalah yang tidak mengeluarkan hasil yang baik.

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN—MEMINDA

14. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan:

(a) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman untuk memberikan hak automatik untuk merayu dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Agung dalam kes-kes Civil atau sama ada Kerajaan akan menimbang untuk memberikan hak automatik untuk merayu dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Persekutuan dalam kes Civil di mana jumlah wang yang terlibat ada \$20,000/=; dan

(b) sama ada Kerajaan sedar tentang peruntukan sekarang yang menghendaki sesuatu perkara berbangkit itu melebihi \$100,000/= sebelum seseorang itu dapat merayu dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Persekutuan, ini mengakibatkan banyak kesusahan dan ketidakpuasan di kalangan orang ramai.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Soalan Ahli Yang Berhormat adalah tidak begitu tepat kerana Mahkamah Persekutuan telah pun dibubarkan berikut dengan penubuhan Mahkamah Agung Malaysia yang berkuatkuasa mulai 1-1-1985 mengikut Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1984. Jika Mahkamah Persekutuan yang dimaksudkan itu ialah Mahkamah Agung Malaysia maka jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

(a) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1984 untuk memberi hak merayu secara automatik dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Agung dalam kes Civil. Ini adalah kerana perkara ini telah dikaji sedalam-dalamnya semasa Mahkamah Agung ditubuhkan dahulu dan peruntukan yang telah diadakan adalah didapati memuaskan. Kes-kes civil yang jumlah tuntutannya kurang dari \$25,000/= adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Sesyen dan peruntukan yang diberi untuk merayu ke Mahkamah Tinggi adalah mencukupi.

(b) Kerajaan memang sedar tentang ketidaaan peruntukan membolehkan rayuan secara

automatik dibuat mengenai jumlah tuntutan \$100,000/— ke bawah dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Agung. Namun bagitu, hak rayuan masih ada, dengan syarat mendapat kebenaran daripada Mahkamah Tinggi dahulu dan jika gagal daripada Mahkamah Agung.

CUKAI JUALAN/ CUKAI PERKHIDMATAN

15. Puan Hajjah Azizah binti Md. Said minta Menteri Kewangan menyatakan apakah strategi-strategi pihak Kementerian yang berkenaan mengenai pelesen-pelesen di bawah Akta Cukai Jualan dan Akta Cukai Perkhidmatan yang tidak membayar cukai-cukai setelah dapat dikesan oleh pihak pengawalkuasa melalui maklumat-maklumat yang diterima daripada orang ramai.

Dato Dr Tan Tiong Hong Apabila seseorang pelesen di bawah Akta Cukai Jualan 1972 ataupun Akta Cukai Perkhidmatan 1975 diketahui tidak membayar cukai yang sepatutnya oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Jabatan tersebut akan mengambil tindakan untuk menuntut jumlah cukai yang tidak dibayar itu. Denda akan juga dikenakan ke atas pelesen berkenaan oleh sebab cukai tersebut tidak dibayarnya dalam jangkama yang telah ditetapkan di bawah undang-undang. Selain dari itu pelesen tersebut mungkin juga dikenakan kompaun atas kesalahan yang dilakukannya, ataupun ia didakwa di Mahkamah jika kesalahannya itu dianggap berat.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tahun 1984, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah mengambil tindakan atas 540 kes cukai jualan dan 13 kes cukai perkhidmatan kerana penyelewengan yang dilakukan oleh pelesen-pelesen berkenaan.

PROJEK GAJAH PUTEH

16. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Perdana Menteri menyatakan memandang kepada keadaan kemerosotan ekonomi yang dialami oleh negara kita sekarang adakah Kerajaan menyemak semula dasar pembinaan projek-projek gajah puteh untuk menjimat wang supaya keutamaan dapat diberi kepada projek-projek sosio ekonomi demi kepentingan rakyat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Mohamad Noor): Kerajaan tidak mempunyai dasar mengenai pembinaan projek-projek apa yang dikatakan sebagai projek gajah puteh. Oleh itu persoalan sama ada Kerajaan menyemak semula dasar tersebut untuk menjimat wang tidak timbul.

Buat masa ini pihak Kerajaan sedang meneliti projek-projek pembangunan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Dalam hal ini, keadaan kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara kita telah diambilkira. Projek-projek sosio-ekonomi yang memberi faedah kepada rakyat dan negara akan terus dilaksanakan.

LEMBAGA PENAPIS FILEM

17. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) siapa dan berapa ramaikah pegawai dari Kementerian Penerangan yang menduduki dalam Lembaga Penapis Filem;
- (b) berapa buah filemkah yang dapat ditapis dalam sehari; dan
- (c) memandangkan kemasukan filem-filem dari luar negeri begitu banyak tidakkah Kerajaan bercadang untuk menambah pegawai-pegawai penapis filem ini supaya

penapisan dapat dijalankan dengan lebih teliti selaras dengan dasar dan kebudayaan negara kita.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Pegawai daripada Kementerian Penerangan tidak dilantik menjadi Ahli Lembaga Penapis Filem oleh kerana seseorang Ahli Lembaga Penapis Filem itu tidak boleh terdiri daripada pegawai/kakitangan Kerajaan. Ini adalah ditentukan oleh Akta Filem (Tapisan) (Pindaan) 1980.

Pada keseluruhannya, 4 buah filem ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem setiap hari.

Pada masa ini Lembaga Penapis Filem mempunyai seorang Pengurus, seorang Timbalan Pengurus dan 32 orang Ahli. Keanggotaan yang ada sekarang adalah mencukupi untuk menjalankan tugas yang dihadapi dan Kementerian tidak bercadang untuk menambahkan keahliannya.

PONDAN/MAK NYAK—KAJIAN

18. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi membaiki taraf dan kedudukan Mak Nyah atau Pondan-pondan di Negara ini.

Мenteri Kebajikan Masyarakat (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Kementerian Kebajikan Masyarakat pada masa ini sedang membuat kajian mendalam untuk mengetahui masalah yang sebenarnya dihadapi oleh kelompok Mak Nyah atau pondan dan juga keperluan perkhidmatan membaiki taraf dan kedudukan mereka.

Setelah kajian tersebut selesai dan jika difikirkan perlu, Kementerian saya akan mengadakan beberapa perkhidmatan yang sesuai untuk mereka.

PENDATANG HARAM VIETNAM

19. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai jumlah bilangan pendatang haram Vietnam yang telah dihantar ke negara ketiga, dan berapa ramai lagi yang masih berada di Malaysia.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Sejak bulan Mei 1975 sehingga 30hb November 1985, seramai 199,032 Pendatang Haram Vietnam telah dipindahkan ke negara ketiga dan seramai 8,539 orang masih berada lagi di negara ini.

HOSPITAL BESAR KUANTAN—RAWATAN

20. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di Hospital Kuantan sekarang hanya ada 453 katil iaitu 37 katil kelas 1, 65 katil kelas 2 dan 351 katil kelas 3 (termasuk ward bersalin dan ward kanak-kanak) dan keadaan kelengkapan dan juga kemudahan-kemudahan rawatan sangat berkurangan dibandingkan dengan penduduk Kuantan yang berjumlah lebih kurang 160,000 orang. Terdapat juga pesakit yang layak dimasukkan ke kelas 1 dan kelas 2 dimasukkan ke kelas 3 kerana tidak cukup katil dan ada kalanya pesakit perlu mendapatkan rawatan lanjut dalam hospital dikeluarkan kerana tidak cukup katil untuk menampung pesakit yang baru masuk. Jika sedar, bilakah Kerajaan bercadang mendirikan hospital baru dan apakah tindakan sementara bagi mengatasi masalah ini,

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Kementerian Kesihatan sedar bahawa bilangan katil serta pembahagiannya yang sedia ada di Hospital Besar, Kuantan, tidak

mencukupi untuk menampung keperluan penduduk-penduduk Kuantan.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya suka memberitahu bahawa pembinaan Hospital Besar yang baru telah disokong oleh Kementerian Kesihatan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima,

FELCRA—MEMAJUKAN TANAH TERBIAR

21. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan rancangan Kementerian beliau bagi memajukan tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan oleh pemiliknya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Kementerian saya melalui FELCRA telah membuat kajian dan penelitian mengenai tanah terbiar dan telah mengenalpasti sebanyak 2,274 buah kampung mundur di seluruh negara yang mengandungi tanah-tanah milik yang terbiar dengan keluasan 569,223 hektar. FELCRA telah merancang akan memajukan tanah-tanah tersebut dalam jangka masa sehingga 1995 akan datang di bawah program pemulihan.

PERNAS—PERDAGANGAN DUA HALA CHINA—MALAYSIA

22. Tuan Kee Yong Wee minta Perdana Menteri menyatakan sama ada peranan PERNAS dapat diubahsuai dalam perdagangan dua hala antara Negeri China dan Malaysia dan adakah komisyen setengah peratus yang dikenakan oleh PERNAS atas maksud tersebut dapat dihapuskan sama sekali untuk melicinkan perdagangan terus antara kedua-dua negara.

Datuk Dr James P. Ongkili:

Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah peranan PERNAS sebagai perantaraan dagangan antara Malaysia dan Republik Rakyat China. Malah, agensi milikan penuh Kerajaan ini akan terus memainkan dan meningkatkan perdagangan dua hala atau perdagangan terus di antara dua negara tersebut.

Untuk menentukan supaya perdagangan terus diberi pengertian dan ditingkatkan, pelesenan perlu diadakan dan PERNAS akhir terus menjadi agensi yang bertanggungjawab ke atas perlaksanaan pelesenan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhajat menghapuskan pelesenan yang wujud oleh kerana perdagangan terus di antara dua negara tersebut telah menjadi licin dan menafaatkan negara kitadari segi:

- (i) harga barang adalah lebih rendah daripada amalan sebelumnya yang telah dibuat melalui negara ketiga;
- (ii) mengelakkan kebocoran (leakage) pendapatan Kerajaan melalui "undervoicing" apabila diimport melalui negara ketiga;
- (iii) penggunaan maksima kemudahan-kemudahan yang sedia ada di negara kita seperti pelabuhan, bank, pengangkutan serta juga tenaga rakyat Malaysia;
- (iv) menggalakkan negara Republik Rakyat China untuk mengimport terus dari Malaysia, daripada melalui negara ketiga.

Komisyen setengah peratus yang dikenakan itu adalah untuk membiayai kerja-kerja yang bersangkut paut dengan dasar untuk

melaksanakan dagangan terus itu. Kerja-kerja itu termasuk menganjur rombongan-rombongan ke Canton dan ke bandar-bandar lain di Republik Rakyat China, memproses permohonan-permohonan AP, serta menjadi pengajur kepada lawatan-lawatan yang dibuat oleh perbadanan Republik Rakyat China ke Malaysia.

PROGRAM SEKOLAH INTEGRASI

23. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah yang dimaksud dengan sistem "Sekolah Intergrasi" dan bilakah akan dilaksanakan ke seluruh negara. Apakah buruk dan baiknya dengan sistem persekolahan yang ada sekarang.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Nama Program Sekolah Intergrasi telah ditukarkan kepada Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan.

Rancangan ini adalah satu program ko-kurikulum bersama bagi murid-murid dari semua jenis sekolah rendah dan merupakan satu langkah ke arah mewujudkan perpaduan antara kaum di negara ini. Program ini akan dilaksanakan melalui kegiatan-kegiaran yang bercorak sukan dan khidmat masyarakat yang melibatkan penyertaan ramai. Ketiga-tiga jenis sekolah yang berkenaan yang berhampiran atau dalam satu kawasan yang sama akan menjalankan kegiatan-kegiatan ini sebagai tambahan kepada kegiatan-kegiatan yang sedia ada di setiap sekolah yang terlibat.

Rancangan ini akan dijalankan sebagai Program Percubaan pada tahun hadapan (1986). Satu kajian akan diadakan pada akhir tahun 1986 mengenai kejayaannya. Pelaksanaan

sepenuhnya rancangan ini ke seluruh negara adalah bergantung kepada hasil kajian tersebut.

Sistem persekolahan yang ada sekarang adalah baik dan memuaskan, Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan ini adalah untuk memperkuatkan dan mempercepatkan usaha-usaha ke arah mencapai perpaduan kaum di negara ini.

INDUSTRI RUMAH MURAH— GALAKAN

24. Tuan Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah pihak Kerajaan hanya memberi galakan kepada industri rumah murah sahaja dan tidak kepada Industri Perumahan seluruhnya; oleh kerana galakan kepada Industri Perumahan seluruhnya pasti akan dapat mengurangkan keadaan ekonomi meleset dalam negara.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Kerajaan memberi galakan kepada industri rumah murah dengan tujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah. Dalam hubungan ini, institusi-institusi kewangan telah diarahkan menyediakan peruntukan tertentu bagi membiayai pembelian rumah-rumah yang berharga kurang dari \$100,000/—. Ini bertujuan supaya golongan ini mendapat pinjaman dengan kos yang berpatutan.

Pada masa ini, rumah-rumah yang berharga di antara \$60,000/— hingga \$100,000/— dikenakan kadar faedah 11% setahun manakala rumah-rumah yang berharga kurang \$60,000/, kadar faedah yang dikenakan adalah 10% setahun. Sehingga bulan Julai 1985, bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan telah meluluskan 19,095 unit rumah yang berharga kurang dari \$100,000/— berbanding dengan

ketetapan minimum sebanyak 20,000 unit yang perlu dipatuhi menjelang akhir tahun 1985.

Bagi rumah-rumah yang berharga melebihi \$100,000/— Kerajaan tidak memberikan tumpuan utama oleh kerana rumah-rumah jenis ini biasanya dibeli oleh golongan yang berpendapatan tinggi dan mampu membayarnya. Permintaan bagi rumah-rumah kos pertengah dan kos tinggi juga adalah lembab.

HARGA BIJIH TIMAH

25. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kedudukan harga bijih timah dan tindakan Kerajaan sedang dan akan diambil untuk memulihkan perusahaan tersebut.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Di dalam menjawab soalan ini saya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, juga ingin mengambil kesempatan menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar yang telah dijadualkan untuk dijawab pada 12-12-85. Ini memandangkan bahawa kedua-dua soalan adalah mirip dan boleh dijawab secara bersama.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perniagaan timah di London Metal Exchange (LME) telah digantung pada 24-10-85 dengan diikuti oleh penggantungan Pasaran Timah Kuala Lumpur (KLTM) pada 25-10-85. Pergantungan kedua-dua pasaran timah hingga hari ini adalah akibat daripada ketidakupayaan pihak Majlis Timah Antarabangsa (ITC) untuk meneruskan aktiviti operasi stok penimbang. Walaupun kedua-dua pasaran rasmi bagi timah ini telah menggantungkan perniagaan mereka, urusniaga timah masih berterusan di

antara pembeli-pembeli dan penjual-penjual berdasarkan harga yang dipersetujui secara bersama di antara kedua-dua belah pihak.

Sebagai negara anggota ITC, Malaysia sedang berusaha bersama-sama dengan lain-lain negara anggota untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh perusahaan timah sekarang ini. Buat masa ini satu persidangan khas ITC sedang berlangsung dan persidangan tersebut dijangka akan diteruskan sehingga suatu jalan penyelesaian dapat dicapai. Kita semua sedar bahawa sekiranya pihak ITC tidak dapat menemui penyelesaian yang sewajarnya dengan kerjasama semua pihak yang terlibat, pasaran timah akan terjejas yang mengakibatkan harga timah jatuh. Dalam hubungan ini, masalah-masalah yang menghinggapi pasaran timah timbul akibat, di antara lain, kelemahan dolar Amerika, perkembangan dan pengeluaran berlebihan timah oleh negara-negara pengeluar bukan anggota ITA, sumber kewangan pengurus stok penimbang ITC yang terhad dan spekulasi yang telah berlaku selama ini di mana saya difahamkan telah berlaku secara besar-besaran sebelum LME menggantungkan perniagaannya pada 24-10-85.

Di dalam keadaan yang sedemikian rupa perusahaan timah Malaysia hendaklah bersiap sedia untuk menghadapi apa juar kemungkinan. Bagi maksud ini suatu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian telah pun ditubuhkan untuk menimbang dan memperakarkan langkah-langkah luar jangka yang boleh diambil bagi membantu perusahaan timah menghadapi masalah pasaran sekarang ini. Di antara iangkah-langkah yang telah dipertimbangkan ialah mendapatkan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam melanjutkan tempoh pajakan

lombong, menggalakkan aktiviti pertanian di atas tanah-tanah perlombongan khususnya berhubung dengan tanaman-tanaman kontan, memusatkan aktiviti pembinaan terutamanya pembinaan rumah kos rendah dan pembinaan lebuhraya, bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada para pekerja lombong yang diberhentikan kerja akibat penutupan lombong. Dalam menghadapi masalah negara ini, kerjasama yang erat di antara kedua-dua Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri sangatlah diperlukan.

MENGHAPUSKAN KEMISKINAN LUAR BANDAR

26. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Perdana Menteri menyatakan program Kerajaan bagi mengatasi kemiskinan terutama bagi penduduk-penduduk luar bandar yang sedang rancak diperkatakan lebih-lebih lagi di masa kemelesetan ekonomi ini.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Seperti yang dijelaskan dalam dokumen-dokumen rancangan lima tahun Kerajaan, usaha-usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan penduduk-penduduk luar bandar. Berbagai program dan projek telah dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan melalui peningkatan daya pengeluaran dan penyediaan peluang-peluang pekerjaan di sektor moden. Usaha-usaha telah dijalankan bagi meningkatkan daya pengeluaran petani terutamanya menerusi pembukaan tanah baru dan pembangunan di kawasan-kawasan yang sedia ada melalui penyediaan kemudahan-kemudahan pengairan, pengembangan dan penanaman semula dengan menggunakan benih berhasil tinggi. Di samping itu, isi rumah miskin luar bandar telah

diserapkan ke dalam sektor moden seperti perindustrian dan perdagangan. Perkembangan sektor moden ini telah dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi isi rumah miskin dari luar bandar. Kemudahan-kemudahan asas seperti pelajaran, kesihatan, pengangkutan, bekalan air dan elektrik telah dan akan juga disediakan untuk meningkatkan lagi mutu hidup rakyat luar bandar.

Pada awal tahun lapan puluhan, Kerajaan telah memperkenalkan strategi-strategi baru bagi membasi kemiskinan iaitu sistem perkebunan secara koperatif atau berkelompok dan perbandaran kawasan-kawasan luar bandar. Di bawah sistem perkebunan berkelompok, kebun-kebun yang kecil atau yang mempunyai saiz yang tidak ekonomi akan disatukan secara besar-besaran dan diuruskan secara estet. Dengan ini daya pengeluaran dan pendapatan petani dapat ditingkatkan. Perbandaran kawasan-kawasan luar bandar pula melibatkan pengumpulan kampung-kampung yang berselerak untuk dijadikan satu pusat perbandaran. Pengumpulan ini akan menjadi asas bagi pertumbuhan kegiatan-kegiatan bercorak bandar dan menjadi punca pendapatan luar kebun kepada penduduk-penduduk.

HARGA MINYAK

27. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, berdasarkan keputusan perundingan OPEC, harga minyak telah pun diturunkan. Mengapakah harga minyak tanah dan diesel di negara tidak juga diturunkan ke paras yang berpatutan sepetimana minyak petrol.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Untuk makluman

Ahli Yang Berhormat, harga runcit barang-barang petroleum iaitu petrol premium, petrol regular, diesel, minyak tanah dan LPG dalam pasaran domestik adalah dikaji tiga bulan sekali mulai 1 Julai 1985. Sebelum daripada ini harga-harga tersebut adalah dikaji tiap-tiap bulan. Pada akhir tahun 1984 dan awal tahun 1985 didapati kajian bulanan ini menyebabkan harga runcit terpaksa berubah terlalu kerap. Untuk mengelakkan pengguna dibebankan dengan masalah perubahan harga khasnya apabila terdapat kenaikan harga, Kerajaan telah membuat keputusan supaya perubahan tersebut dibuat tiga bulan sekali.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, memang benar pada kajian yang lalu, harga-harga petrol sahaja yang telah diturunkan. Walau bagaimanapun jika Ahli Yang Berhormat masih ingat, harga runcit diesel dan minyak tanah dan LPG telah diturunkan pada 1 Ogos 1985 dengan kadar berikut:

	<i>Semenanjung</i>		<i>Malaysia Sabah Sarawak</i>	
Diesel (sen/liter)	3	3.7	4.1	
Minyaktanah(sen/liter)	2.5	3.1	3.5	
LPG (sen/kg)	9	8	8	

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, perubahan harga runcit tidak semestinya berlaku serentak atau dengan kadar yang sama untuk semua barang petroleum. Ini memandangkan perubahan harga runcit bergantung kepada beberapa faktor utama seperti kos barang, kos operasi syarikat-syarikat minyak dan kadar pertukaran matawang US Dollar/Ringgit.

Dalam kajian harga yang terakhir ini, didapati hanya harga runcit petrol premium dan regular boleh diturunkan dan ini telah pun dilaksanakan mulai 1 November 1985.

PULAU BESAR SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN

28. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan Pusat ada rancangan untuk memberi bantuan untuk memajukan Pulau Besar Melaka sebagai satu pusat pelancongan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka sedang merancang untuk membina 25 buah chelet dan motel dan kerja dijangka akan dimulakan pada tahun 1986. Di samping itu, sebuah syarikat swasta telah merancang untuk membangunkan Pulau Besar sebagai pusat pelancongan dengan perbelanjaan kira-kira Rgt. 250 juta. Kemudahan-kemudahan yang dirancang ialah sebuah hotel bertaraf antarabangsa, sebuah padang golf dan kemudahan-kemudahan sukan laut. Projek-projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 1986.

Pembangunan fizikal kemudahan-kemudahan pelancongan di Pulau Besar akan dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan pihak swasta. Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia sebagai sebuah agensi Kerajaan Pusat akan bertanggungjawab dalam membantu menggalakkan serta menarik pelancong-pelancong melawat ke tempat-tempat tersebut. Usaha-usaha pemasaran ini akan dijalankan di dalam negeri dan juga di luar Negeri.

CUKAI PENDAPATAN— TUNGGAKAN

29. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah terakhir tunggakan hutang cukai pendapatan yang belum dibayar, nyatakan bilangan orang perseorangan dan syarikat-syarikat yang gagal

menjelaskan hutang cukai mereka. Bilangan mereka yang telah diambil tindakan undang-undang.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Jumlah tunggakan cukai pendapatan bagi Semenanjung Malaysia ialah \$1,728 juta pada 31hb Disember 1984. Daripada jumlah ini, \$1,312 juta adalah berhubung dengan kes-kes di mana berbagai tindakan sedang diambil oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Oleh itu jumlah tunggakan bersih ialah \$416 juta sahaja. Sebahagian besar daripada tunggakan bersih ini adalah merupakan tunggakan disebabkan bayaran cukai dibuat secara ansuran. Bilangan orang perseorangan yang terlibat dengan tunggakan ini ialah 274,010 orang dan bilangan syarikat pula ialah 8,990. Di Semenanjung Malaysia, kedudukan bilangan kes yang dihadapkan ke Mahkamah pada 18-11-1985 ialah 19,653. Bagi Sarawak tunggakan bersih pada 30-6-1985 ialah \$40 juta manakala bagi Sabah pula ialah \$234 juta pada 31-10-1985.

GRADUAN YANG MENGANGGUR

30. Tuan Ahmad bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar ramainya para graduan yang menganggur disebabkan mereka adalah pemegang biasiswa Kerajaan (JPA) yang menghalang mereka untuk berkhidmat dengan swasta tanpa menunggu enam bulan atau setahun yang telah disyaratkan JPA sebelum ini, jika sedar apakah cadangan Kerajaan untuk melonggarkan syarat-syarat tersebut, supaya para graduan itu terus dapat memegang jawatan tanpa menunggu tawaran pekerjaan dari pihak Perkhidmatan Awam (JPA).

Dato Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamad Noor: Sedar Fasal i (d) Perjanjian Biasiswa memang menyebutkan bahawa pemegang-pemegang Biasiswa Persekutuan yang telah menyempurnakan kursus latihan

dengan jayanya boleh ditawarkan pekerjaan dalam tempoh 12 bulan selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Kerajaan - telah pun melonggarkan syarat tersebut supaya mereka yang tidak dapat ditempatkan di mana-mana jawatan kosong Kerajaan dilepaskan tanpa syarat dan tanpa menunggu genap 12 bulan seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Biasiswa itu.

PUSAT ISLAM—PENYELARASAN

31. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Perdana Menteri menyatakan peranan yang akan dan sudah dirancang oleh PUSAT ISLAM yang diletakkan sebagai nadi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri, dan sudahkah ada usaha-usaha bagi mewujudkan Memorial sejarah Islam di bangunan yang indah itu.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Peranan Bahagian Hal Ehwal Islam ialah untuk mewujudkan penyelarasan yang berkesan dari segi perancangan dan pelaksanaan pentadbiran hal ehwal agama Islam di negara ini. Peranan tersebut dilaksanakan melalui badan-badan berikut:

- Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia;
- Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia;
- Lembaga Bersama Penyelaras Kegiatan Islam Malaysia;
- Badan Perunding Islam;
- Lembaga Penasihat Penyelaras Pelajaran dan Pendidikan agama Islam.

Di Kompleks Bangunan Pusat Islam telah pun dibina sebuah Balai Pameran Islam yang bertujuan untuk mengumpul bahan-bahan sejarah mengenai perkembangan dan

tamaddun Islam di rantau ini. Usaha-usaha sedang dan akan terus dijalankan untuk mengumpul bahan-bahan sejarah bagi melengkapkan balai tersebut sehingga menjadi sebagai sebuah muzium Islam.

PUSAKABUMI—PENDAFTARAN KONTRAKTOR ASING

32. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramai kontraktor asing yang berdaftar di negara ini;
- (b) adakah pendaftaran mereka dikenakan bayaran seperti yang dikenakan ke atas kontraktor tempatan oleh PUSAKABUMI; dan
- (c) berapa banyak projek-projek serta nilai harga jumlah projek yang telah ditawarkan oleh Kerajaan kepada kontraktor asing sejak tahun 1981.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Kontraktor asing tidak dikehendaki berdaftar dengan Kerajaan. Dengan yang demikian soal pembayaran tidaklah timbul.

Berasaskan rekod yang terdapat pada masa ini, jumlah kontrak untuk projek-projek yang telah ditawarkan oleh Kerajaan kepada kontraktor asing bagi tempoh 1981-1985 adalah 119 yang bernilai \$3,495,911,120.00. Sebagai perbandingan, nilai kontrak yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor asing tersebut merupakan 30.32% daripada keseluruhan nilai kontrak-kontrak kerja dalam tempoh yang sama.

BAITULMUQADDIS—PEMBEBASAN

33. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Malaysia dalam usaha untuk

membebaskan Baitulmuqaddis; apakah ia bersalah dengan Dasar Luar Malaysia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Masalah pembebasan Palestin dan Baitulmuqaddis tidak dapat dipisahkan oleh kerana pembebasan Baitulmuqaddis adalah sebahagian daripada perjuangan rakyat Palestin. Oleh itu perjuangan kita terhadap pembebasan Baitulmuqaddis adalah selaras dengan dasar luar kita terhadap Palestin.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum dasar Malaysia terhadap pembebasan Bandar suci ini adalah jelas. Ini dapat dibayangkan dengan dasar kita menyokong Palestin dalam menentang pencerobohan dan penaklukan Israel terhadap wilayah Palestin termasuk Baitulmuqaddis. Peranan yang dimainkan oleh Malaysia selain daripada memberi sokongan penuh kepada perjuangan Palestin kita juga telah memainkan peranan utama di bidang-bidang antarabangsa khususnya dalam rangka Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Persidangan Negara Islam.

Selaras dengan dasar kita ini kita telah memainkan peranan utama di Bangsa-bangsa Bersatu ke arah mencapai matlamat ini melalui keanggotaan kita dalam Jawatankuasa Mengenai Hak Asasi Rakyat Palestin dan juga melalui persidangan antarabangsa bagi Asia mengenai masalah Palestin termasuk Baitulmuqaddis. Persidangan tersebut telah merangka perisytiharan bagi menyelesaikan masalah ini. Kita juga memainkan peranan yang sama dalam Pertubuhan Persidangan Negara Islam yang mengutamakan perjuangan rakyat Palestin dan Pembebasan Baitulmuqaddis. Dalam pertubuhan ini juga kita adalah antara negara yang menganggotai Jawatankuasa Pakar Mengenai Al Quds.

Kita menyokong segala keputusan Persidangan Negara-negara Islam mengenai Al-Quds termasuk menentang usaha-usaha untuk mengubah keadaan bentuk bandar suci ini dan terhadap keputusan untuk mengambil tindakan bagi mana-mana negara yang memindah kedutaannya di Tel Aviv ke Baitulmuqaddis.

Kita akan terus memainkan peranan ini sehinggalah usaha-usaha untuk menegakkan kedaulatan dan hak rayat Palestin dan pembebasan Baitulmuqaddis dapat dicapai.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ORANG-ORANG PAPA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (4hb Disember, 1985).

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah menyambung ucapannya.

3.36 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih oleh "kerana mendapat keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua untuk saya menyambung perbahasan saya pada petang kelmarin untuk petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan memberi pertolongan kepada orang-orang miskin, fakir lebih-lebih lagi pula kepada orang papa itu adalah tanggungjawab Kerajaan dan tanggungjawab kita semua, sama ada orang-orang yang kurang bernasib baik itu yang beragama Islam ataupun tidak, sebab mengikut di dalam Islam, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Allah s.w.t. telah pun memuji di atas satu kaum bagaimana yang Tuhan berfirman yang bermaksud; memberi makanan mereka itu akan makanan di waktu mereka kasih akan makanan itu, memberi makan akan orang-orang miskin dan anak yatim dan orang-orang yang kena tawan.

Jadi mengikut tafsirannya, orang yang kena tawan itu ialah orang yang bukan Islam yang diistilah dengan kafir harbi. Jadi di situ Tuhan memberi pujian kepada orang-orang yang memberi bantuan kepada mereka yang tersebut tadi.

Dan lagi Allah s.w.t. berfirman dalam Ouran, dengan izin juga, yang bermaksud: tidak menegah akan kamu oleh Allah daripada orang-orang yang tidak memerangi mereka itu akan kamu pada agama dan yang tidak menghalau mereka itu kamu daripada negara kamu, tidak menegah bahawa kamu membuat baik akan mereka itu dan kamu membuat keadilan kepada mereka itu—bahwasanya Allah taala kasih akan segala orang-orang yang membuat keadilan.

Dan pada satu Hadis yang diriwayatkan daripada Asmak binti Abi Bakrin—diriwayatkan daripada Asmak anak perempuan kepada Saidina , Abu Bakar, berkata ia bahwasanya bonda ku telah datang ia di atas ku, pada halnya bonda aku itu tidak Islam. Maka adakah boleh aku hendak menghubungi akannya? Jawab Rasullullah s.a.w.—Ya, boleh. "Siliummati"—hubungi olehmu akan bondamu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan yang tersebut menunjukkan bahawa Islam menyuruh penganut-penganutnya membuat bakti dan membuat baik kepada semua manusia lebih-lebih lagi kalaulah manusia itu kurang berasib baik, tidak ada perbezaan di antara golongan yang ada itu Muslim atau tidak Muslim. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang harus kita memberi pertolongan itu ada dua perkara. Pertamanya, pertolongan untuk jasmani mereka iaitu kita memberi pertolongan yang berupa kebendaan umpamanya wang ringgit atau sebagainya seperti pertolongan yang telah pun diberi oleh pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat kita kepada orang-orang yang kurang berasib baik itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, cubalah kita fikir adakah pertolongan yang telah pun kita berikan kepada mereka yang berkurang berasib baik itu sekadar \$30 sebulan. ataupun \$50 sebulan itu mencukupi buat masa sekarang. Jadi, kalaulah kita memikir, perkara ini mengikut keadaan sekarang tidak mencukupi amat kecil sekali pemberian kita itu, saya mengesyorkan kepada pihak Kementerian supaya membuat pertimbangan bantuan kepada saudara-saudara kita yang kurang berasib baik ini.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bantuan yang kita mesti beri pertolongan kepada saudara kita ini adalah bantuan rohaniah. Di samping kita memberi pertolongan kewangan kita mestilah memberi ilmu pengetahuan sama ada ilmu pengetahuan agama, kalaulah penghuni-penghuni rumah miskin ini umpamanya ada orang-orang Islam mestilah kita kena sediakan guru-guru agama kepada mereka supaya dapat diajar perkara agama dan beramal berjemaah bersama dengan mereka di

tempat saudara-saudara kita berada itu. Semoga, dengan izin, insya Allah saudara kita yang kurang berasib baik di dunia ini akan berasib baik di akhirat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang mesti kena kita bantu golongan anak-anak kita yang kurang berasib baik, umpama anak-anak kita yang kecacatan anggota dan sebagainya selain daripada kita memberi bantuan lahiriah untuk mereka hidup di alam dunia ini mestilah kita sama-sama mengutamakan pelajaran rohaniah kepada mereka, semoga insya Ajlla h mereka sebagaimana yang telah pun saya katakan sekejap tadi, mereka kurang berasib baik, mereka dapat kecacatan di alam dunia, insya Allah mereka akan dapat kesempurnaan di akhirat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan apa yang telah saya cakapkan daripada petang kelmarin sehingga sekarang iaitulah pertolongan kepada orang-orang fakir, miskin dan papa adalah tanggungjawab Kerajaan dan orang-orang yang kaya. Kedua, pertolongan berdasarkan kepada kebenaran sungguh-sungguh mereka itu dapat sifat kepapaan dan kemiskinan. Ketiga, tidak ada had dan masa pertolongan itu selama mereka tidak pulih daripada sifat kemiskinan. Keempat, pertolongan itu kadar yang munasabah mengikut keadaan masa dan tempat. Kelima, pertolongan itu adalah diharapkan pertolongan jasmani dan rohani.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya pada menyambung pada petang kelmarin, jadi sekali lagi saya dengan ikhlas hatinya menyokong Akta Orang-orang Papa (pindaan) 1985. Sekian, terima kasih.

3.45ptg.

Tuan Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini sama-sama membahaskan suatu Akta yang dinamakan Akta Orang-orang Papa (Pindaan) 1985. sebagaimana yang tercatat di dalam Seksyen 13 yang baharu Menteri boleh memendekkan tempoh tinggal mana-mana orang dari rumah kebajikan, jika berpuas hati dan sebab-sebab istimewa mengenai kebajikan orang itu.

Tuan Yang- di-Pertua, dengan ada pengujudan bagi memendekkan tempoh tinggal bagi mana-mana orang papa di rumah kebajikan memang kita merasai wajar kepada penghuni-penghuni yang tinggal di mana-mana rumah kebajikan. Dengan adanya pindaan ini dibuat adalah dirasakan mereka dapat meninggalkan di tempat kediaman tersebut berdasarkan untuk kebajikan mereka sendiri di masa-masa akan datang. Kita memang sedar ada di antara mereka yang tinggal di situ mempunyai saudara mara yang tertentu. Berkemungkinan dalam masa mereka tinggal di rumah kebajikan ada di antara saudara mara mereka berkehendakkan mereka tinggal semula bersama-sama dengan keluarga sendiri dan berkemungkinan orang-orang papa itu sendiri merasai mereka boleh berdikari dalam bentuk menjalankan pekerjaan mereka sendiri di luar rumah kebajikan dan dapat bergaul dan bermesra dengan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, tertakluk di dalam seksyen baharu 16 telah memperuntukkan jika seseorang itu dilepaskan dari rumah kebajikan mereka itu diletakkan di bawah penyeliai seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

Seksyen baru 16 ini saya merasai boleh diterima kerana walaupun mereka telah keluar dari jagaan rumah

kebajikan, ada orang-orang yang tertentu mengawasi dan menyelia mereka dari masa ke semasa. Dan saya merasai juga dengan cara ini kesihatan dan kehidupan mereka dari masa ke semasa dapat diawasi oleh orang-orang yang tertentu khususnya dari pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kita memang sedar pada biasanya orang-orang yang papa, yang tinggal di rumah kebajikan adalah berdasarkan di antaranya mereka tidak mempunyai saudara-mara yang tertentu, khususnya tidak mempunyai anak ataupun tidak mempunyai isteri atau suami dan kehidupan mereka begitu dhaif. Barangkali kita tidak boleh menafikan ada di antara mereka yang malas hendak bekerja untuk habuan hidup mereka hari-hari. Cuma mereka berusaha meminta sedekah di kaki-kaki lima ataupun di sepanjang panjang jalan. Dan berkemungkinan juga satu sebab yang sukar dikesan menjadikan mereka rela tinggal di rumah-rumah kebajikan yang disediakan oleh Kerajaan atau sebagai paksaan.

Dan kita mengetahui sebahagian besar daripada mereka yang tinggal di situ umurnya telah begitu lanjut. Tetapi berkeupayaan untuk membuat kerja-kerja harian yang tertentu bagi menyara hidup mereka sendiri dari sehari ke sehari.

Kalau kita melihat kembali Seksyen baru 13 dan begitu juga Seksyen baru 16 adalah menekankan bagi orang-orang papa yang meninggalkan rumah kebajikan dan pengawasan kepada mereka dalam tempoh-tempoh yang ditentukan. Memandangkan hal yang demikian, saya mengharapkan kepada Keniehterian Kebajikan Masyarakat dapat mengatur satu strategi ataupun rangka kerja dari masa ke semasa untuk kepentingan orang-orang papa yang telah keluar ataupun yang telah meninggalkan rumah kebajikan berdasarkan kehidupan mereka dari

sehari ke sehari. Walaupun mereka tertakluk di dalam jagaan atau penyeliaan seseorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang telah dikhaskan. Atas hasrat ini saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya orang-orang papa yang telah difikirkan sesuai meninggalkan rumah-rumah kebajikan yang tertentu dapat ditempatkan atau diletakkan mereka di satu-satu tempat ataupun di satu-satu kawasan yang khas untuk mereka hidup sendiri dari sehari ke sehari. Tempat-tempat yang khas yang dicadangkan ini misalnya Kementerian yang berkenaan dapat memperuntukkan suatu kawasan tanah yang tertentu bagi penempatan mereka.

Saya merasai bagi Kerajaan untuk mendapatkan tanah-tanah yang tertentu tidak begitu menimbulkan masalah untuk melaksanakannya. Dengan adanya kawasan tanah yang difikirkan bagi dikhaskan kepada mereka, di sitolah mereka boleh menjalankan atau mengusahakan kerja-kerja yang berkeupayaan kepada mereka sendiri seperti mereka boleh bercucuk tanam ataupun menjalankan kerja-kerja harian yang mereka telah ketahui dan begitu faham dan masa-masa yang lalu seperti membuat kraftangan, bertukang kayu dan sebagainya.

Adalah dirasai dan dipercayai daripada pendapatan mereka di kawasan-kawasan tanah yang dikhaskan bagi penempatan mereka, mereka dapat menghasilkan pendapatan yang tertentu dari kerja-kerja dan usaha-usaha mereka sendiri. Selain daripada hasil pendapatan mereka sendiri yang bermatlamat untuk mereka berdikari, saya berkeyakinan pihak Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dikhaskan untuk mengawal dan menyelia mereka tidak mendatangkan apa-apa masalah khususnya untuk berjumpa dan mengawasi mereka.

Matlamat selanjutnya perlaksanaan cadangan ini untuk lebih selesa dan lebih sesuai bagi mereka yang tinggal di situ, mengapa tidak pihak Kementerian yang berkenaan dapat menyediakan tempat tinggal mereka yang agak sesuai.

Dan saya merasai untuk melaksanakannya bolehlah didapati daripada peruntukan Kementerian sendiri ataupun mendapatkan sumbangan dari orang ramai yang boleh dilaksanakan dari masa ke semasa dan begitu juga sumbangan dari orang-orang yang tertentu yang berminat untuk kerja-kerja amal.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasai dasar penempatan bagi mereka yang diiktiraf sebagai orang papa adalah bertujuan memberikan mereka bebas untuk tinggal di satu-satu tempat yang difikirkan sesuai bagi mereka. Lebih-lebih lagi pada hemat saya kalau mereka diarahkan keluar meninggalkan Rumah Kebajikan yang tidak tentu di mana mereka akan tinggal, adalah diragukan yang mereka dapat hidup dengan begitu selesa dan memuaskan. Barangkali kalau tidak diawasi dengan begitu rapi hidup mereka akan tergugat dari semasa ke semasa.

Saya menyakinkan sebahagian besar daripada mereka yang akan memilih untuk tinggal di satu-satu tempat yang dikhaskan, apakala mereka diarahkan keluar meninggalkan Rumah Kebajikan dan hasilnya Kerajaan tidak begitu berat ataupun tidak banyak menimbulkan masalah untuk menyelia atau mengawasi mereka khususnya dalam jagaan Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar bagi mereka yang telah meninggalkan Rumah Kebajikan diharapkan pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat dapat memberi sumbangan bulanan yang tertentu kepada mereka yang

difikirkan sesuai untuk mengurangkan beban hidup harian mereka dari sehari ke sehari.

Selain daripada itu memang boleh dikesan ada di antara mereka yang boleh menjalankan kerja-kerja harian bagi menampung sara hidup mereka seperti boleh membuat kerja kraftangan, anyam-menganyam dan sebagainya. Bagi mereka yang demikian, Kerajaan boleh membekalkan bahan-bahan mentah untuk perusahaan kecil mereka yang boleh mendatangkan wang, seterusnya menyara hidup harian mereka sendiri. Seiain daripada itu Kerajaan boleh berusaha untuk menempatkan mereka bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan ataupun di tempat-tempat yang difikirkan sesuai dan kita sedar, walaupun umur mereka telah begitu lanjut, tetapi berkeupayaan untuk menjalankan kerja-kerja yang tertentu seperti seorang tukang sapu di pejabat atau di mana-mana tempat yang kerja-kerja mereka itu dibuat dalam kaedah perjanjian bulanan ataupun tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengesyorkan supaya pihak Kerajaan dapat mengusahakan kepada orang-orang papa yang tertentu dapat tinggal bersama dengan orang ramai sebagai bapa ataupun ibu angkatnya. Dengan adanya mereka tinggal bersama di dalam suatu keluarga, mereka dapat menjaga atau menyelia bersama rumah tempat kediaman mereka sendiri. Pandangan yang demikian dan disuarakan adalah berasaskan ramai di antara anak-anak yatim di bawah jagaan Kerajaan dan ada di antara mereka telah tinggal bersama dengan orang ramai sebagai anak atau bapa angkatnya. Sekiranya kaedah seperti ini dapat dilaksanakan, saya merasai dan berkeyakinan orang-orang papa yang akan keluar dari Rumah Kebajikan akan diterima oleh orang ramai sebagai bapa atau ibu angkatnya. Dan bagi melicinkan keupayaan orang-orang papa untuk

berdikari khususnya bagi penempatan-penempatan yang tertentu atau untuk hidup bebas bersama-sama dengan orang ramai dan perhatian daripada orang ramai dapat diketengahkan atau bersimpati kepada mereka atas hasrat ini.

Saya mencadangkan perlu pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat dapat mewujudkan atau mengadakan satu Minggu Kebajikan Orang-orang Papa dan cadangan untuk mengadakan Minggu Kebajikan Orang-orang Papa ini bolehlah dibuat dari setahun ke setahun dan di dalam Minggu Kebajikan ini dapat dirancangkan berbagai-bagai bentuk aktiviti yang bermatlamat untuk menyedari orang ramai bagi membantu kepada orang-orang papa dan boleh mendapatkan sumbangansumbangan yang tertentu bagi kebajikan mereka.

Bagi melaksanakan aktiviti tahunan misalannya, saya juga mencadangkan supaya pihak Kementerian yang berkenaan dapat menubuhkan satu Jawatankuasa yang boleh dinamakan Jawatankuasa Kebajikan Orang-orang Papa. Jawatankuasa ini terdiri daripada Jawatankuasa di peringkat negeri dan begitu juga di peringkat daerah atau lain-lain peringkat yang difikirkan sesuai. Jawatankuasa yang dicadangkan ini boleh dianggotai oleh pegawai-pegawai kebajikan sama ada di peringkat negeri dan di peringkat daerah dan keanggotaannya bolehlah diluaskan kepada orang ramai yang berminat atau terdiri daripada ketua-ketua kaum atau pemimpin-pemimpin masyarakat yang boleh menyusun gerak kerja yang sesuai dari semasa ke semasa. Cadangan yang diutarakan ini sekurang-kurangnya orang-prang papa menyedari yang mereka ini diambil perhatian bukan sahaja oleh Kerajaan, tetapi diambil perhatian juga oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada diperakurkan orang-orang papa ini terdiri daripada orang-orang yang telah lanjut umurnya, adalah difikirkan kesihatan mereka selain tergendala dan perlu diawasi serta diberi rawatan dari semasa ke semasa bagi kepentingan kesihatan mereka sendiri. Hasrat untuk menjaga kesihatannya adalah diharapkan pihak Kementerian dapat menyusun dengan begitu rapi bagi pemeriksaan orang-orang papa ini dari semasa ke semasa mengikut jadual yang telah dijadualkan. Misalnya setiap orang papa dikehendaki mendapatkan rawatan doktor pada tiap-tiap bulan atau dalam jangka masa yang sesuai yang telah ditentukan oleh pihak-pihak yang tertentu. Untuk mendapatkan rawatan yang sebegini perlulah disusun sama ada pihak Jabatan Kesihatan mengunjungi mereka ataupun orang-orang papa berjumpa doktor pada tarikh-tarikh yang ditentukan.

Selain daripada itu saya merasai dan memandangkan utamanya kepada orang-orang papa yang telah tua, maka dicadangkan pihak Kementerian dapat mengadakan suatu kad khas bagi orang-orang papa khususnya mendapatkan rawatan dari hospital-hospital ataupun di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai. Apabila kad ini diperakurkan bagi orang papa dan menunjukkan kepada pegawai-pegawai hospital, maka saya merasa pihak pegawai di hospital akan bertimbangrasa kerana dirasakan mereka ini tidak ada keluarga yang tertentu untuk membantu mereka dan layanan yang agak baik dapat diberi serta layanan percuma dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui dan diketahui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri telah memberi dan memperuntukkan bantuan wang atau makanan harian kepada orang-orang yang miskin ataupun orang-ojang

cacat di kampung-kampung atau di tempat-tempat yang tertentu pada tiap-tiap bulan. Saya merasai bantuan yang serupa ini agak boleh dibanggakan, sekurang-kurangnya dapat menyenangkan kehidupan harian bagi orang-orang yang miskin itu, tetapi cara atau kaedah yang demikian tidak menitikberatkan orang-orang yang miskin ataupun orang-orang yang cacat itu ke arah berdikari dari semasa ke semasa untuk hidupnya sehari-hari.

Memandangkan kaedah seperti ini tidak menunjukkan mereka berdikari untuk hidup dari semasa ke semasa dan dirasai mereka cuma menunggu habuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tiap-tiap bulan dan boleh meletakkan mereka sebagai orang yang malas dan tidak bercita-cita untuk bekerja, dengan ini saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji semula kaedah pemberian yang berjalan seperti yang ada sekarang. Kaedah atau cara yang dibuat seperti yang saya jeiaskan tadi agak boleh dikekalkan cuma bagi mereka yang benar-benar tidak berkeupayaan atau telah terlalu tua bagi menjalankan sesuatu kerja. Tetapi bagi mereka yang difikirkan boleh menjalankan atau boleh membuat sesuatu kerja yang boleh mendatangkan wang untuk sara hidup mereka, bantuan wang dan makanan bulanan yang diamalkan selama ini perlu diberhentikan, tetapi diberikan benda-benda keperluan untuk mereka membuat sesuatu yang boleh mendatangkan wang dan daripada wang jualan mereka, mereka boleh hidup dengan berdikari.

Bantuan-bantuannya yang dicadangkan adalah seperti: kalau mereka boleh membuat sesuatu alat perhiasan—bahan-bahan mentah serta alat-alat bagi membuat barang-barang perhiasan itu bolehlah diadakan atau disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang tertentu dan hasil

usaha mereka dapat dijual. Dengan ini boleh menampung sara hidup harian mereka sendiri dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, saya menyedari bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi orang-orang yang tertentu, sama ada orang-orang yang cacat dan sebagainya. Untuk menjayakan tujuan ini bagi melengkapkan orang-orang yang cacat atau miskin untuk berdikari, saya merasai pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri ataupun Daerah dapat bekerjasama dengan Majlis-majlis Perbandaran ataupun Majlis-majlis Daerah yang agak boleh menempatkan mereka yang cacat di sesuatu tempat yang khas. Misalnya, di Majlis-majlis Perbandaran atau Daerah banyak mendirikan gerai-gerai yang tertentu, barangkali dengan cara ini pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat meminta kepada pihak-pihak yang berkenaan memperuntukkan gerai-gerai yang khas bagi orang-orang yang cacat ataupun orang-orang yang miskin tetapi berkemampuan untuk bekerja sendiri.

Saya sedar ada di antara orang-orang yang cacat boleh membuat kraftangan yang begitu baik tetapi penempatan mereka untuk mendapatkan gerai-gerai daripada Majlis-majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah agak - begitu sukar. Sekiranya Jabatan Kebajikan Masyarakat berhubung terus dengan pihak Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah, maka kalau sekiranya ada peruntukan-peruntukan yang tertentu bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menempatkan orang-orang yang cacat bagi bekerja seperti kraftangan ataupun bermiaga jualan minuman dan sebagainya, ini menyelaraskan dengan usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk orang-orang yang cacat dan miskin itu berdikari dari semasa ke semasa dan

tidak memerlukan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasai setakat inilah pandangan saya bagi membahaskan Akta yang dibentangkan dan menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 1985. Sekian, terima kasih.

4.16 ptg.

Puan Nen Abidah binti Abdullah:
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) yang telah dibentangkan oleh Meriteri Kebajikan Masyarakat, Yang Berhormat Dato' Abu Hassan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong Rang Undang-undang ini, adalah dirasakan bahawa saya juga bersama-sama berkewajipan untuk memperjuangkan dan memperbaiki nasib-nasib mereka dan dengan itu nanti kita tidak akan dapat melihat lagi bahawa orang-orang papa atau orang-orang miskin yang tidur di merata-rata kaki-lima dan di bawah-bawah bangunan oleh kerana kemiskinan dan kepapaan mereka dan mereka sudah tentu memohon belas kasihan dari orang-orang yang lalu-lalang di tempat mereka.

Mungkin perkara tersebut tidak dapat dihapuskan sama sekali, tetapi sekurang-kurangnya dapat kita mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang tersebut. Boleh jadi orang-orang papa ini hampir kepada kerja yang tidak dihalalkan dan mereka sanggup berbuat apa sahaja asalkan mendapat penghuluran dari orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kerap kali juga kita dapat melihat bahawa wanita-wanita yang meriba anak-anak mereka, menjadikan sebagai alat untuk memohon belas kasihan

dari pada orang ramai. Ini juga termasuk dalam golongan orang-orang papa dan miskin. Ada pula yang berpura-pura patah kaki atau memohon kepada brang ramai wang untuk mereka. Kerajaan, kita percaya sentiasa mengambil berat di atas perkara ini dan kita lihat ada kalanya menangkap mereka dan membawa ke suatu tempat yang dikhaskan, tetapi ramai juga di antara mereka yang dapat melepaskan diri dari tangkapan tersebut. Dan tidak kurang pula ada orang-orang papa yang memohon bantuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, malangnya orang-orang yang seperti demikian tidak mendapat layanan yang sewajarnya dari pihak-pihak tersebut.

Suka saya menyebutkan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu berlaku di kampung-kampung, ada orang-orang miskin dan papa yang mempunyai rumah yang kecil iaitu rumah yang 6 batang atau 4 batang, yang hidupnya sentiasa melarat dan tidak ada anak untuk menampung ataupun memberi belanja kehidupan orang-orang miskin ini dan perkara tersebut telah pun diadukan kepada pihak-pihak Ketua Kampung, begitu juga Tok Penghulu dan seterusnya kepada Wakil Rakyat untuk memohon bantuan memperbaiki rumah.

Kalau kita lihat dari segi penghidupannya adalah amat menyedihkan, iaitu bocor atapnya dan lantai-lantainya reput, begitu juga tahgga terdiri daripada kayu yang bulat sahaja. Apabila hujan turun, orang miskin atau orang papa tersebut terpaksa berpindah daripada satu ceruk ke satu ceruk mencari perlindungan daripada turunnya hujan.

Walaupun perkara demikian telah dilaporkan kepada pihak-pihak yang berkenaan, tetapi malangnya tidak juga mendapat perhatian daripada pihak-pihak yang tertentu. Laporan demi laporan dibuat dan juga

pemeriksaan demi pemeriksaan dilakukan tetapi keadaanya adalah seperti biasa. Dari manakah kelemahan ini berlaku? Atau sudah tidak ada peruntukan lagi daripada Kebajikan Masyarakat, wallahu'lam.

Seperkara lagi seperti apa yang berlaku menjadi penyakit masyarakat ialah pelacur-pelacur. Adakah ini juga termasuk dalam golongan papa kerana mereka juga mencari wang untuk kehidupan kerana kemiskinan dan sebagainya. Sekalipun beberapa langkah yang telah diambil untuk mencegah dan membendung perkara-perkara ini berlaku dan beberapa tempat-tempat pusat pemulihan disediakan tetapi perkara tersebut masih berluasa berlaku di bandar-bandar besar dan juga di bandar-bandar yang kecil. Pelacur-pelacur ini juga adalah terdiri dari wanita yang belum berumah tangga dan yang sudah berumah tangga dan ada mempunyai beberapa orang anak. Perkara ini sudah tentu amat menyedihkan kita sekalipun bagi pihak yang berkuasa tidak sunyi melakukan beberapa langkah untuk mengatasinya perkara tersebut, dan kita rasa tanggungjawab daripada pihak Kementerian dan juga Kerajaan kita sanjung tinggi dan selagi ada manusia maka selagi itulah perkara pelacuran ataupun perkara kemiskinan, papa ini berlaku.

Adalah menjadi tanggungjawab bagi pihak kita yang berkenaan memandang berat di atas perkara-perkara ini. Bagi pihak masyarakat lain juga tidak pula sunyi-suni menjalankan langkah-langkah bagi mengatasinya. Tetapi kiranya kita mohon mereka menghentikan perkara seperti tersebut, timbul pula pertanyaan, kepada siapa mereka akan memohon bantuan wang untuk menyara hidup mereka dan menyara hidup ibu bapa mereka di kampung-kampung. Tidak ketinggalan juga seperti balu-balu dan juga anak-anak yatim. Seorang balu yang ditinggalkan

oleh suami dengan bilangan, anak 5 atau 6 orang dan tidak mempunyai apa-apa harta ataupun matapencarian selain daripada kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ini »juga patut diambil perhatian oleh pihak Kebajikan Masyarakat ataupun daripada pihak Kementerian untuk mengatasi perkara-perkara ini. Ada kalanya ibu kepada si anak yatim telah pun melaporkan perkara tersebut kepada Tok-tok Penghulu atau Jabatan Kebajikan Masyarakat, mendapat perhatian hanya sebentar sahaja selepas itu mereka diputuskan daripada bantuan yang diberi oleh Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang telah disampaikan oleh rakan-rakan saya dalam Dewan iaitu untuk menambah kepada bantuan-bantuan yang diberi kepada orang-orang papa dan orang-orang miskin patutlah dibuat. Pada masa yang lalu saya dapati bahawa hanya setakat \$50 sahaja diberi kepada orang-orang miskin atau orang-orang papa. Ini adalah tidak mencukupi dan mungkin kita pandang daripada Kerajaan menyediakan rumah dan menyara hidup mereka, lebih baik diberi kepada mereka itu bantuan yang lebih sedikit, umpamanya sampai \$100 supaya dapatlah mereka menyara hidup mereka atau membelanjakan untuk kehidupan mereka sehari-harian. Mereka ada kalanya tidak mahu ditempatkan di satu tempat yang diadakan oleh Kerajaan, dan mereka memandang bahawa mereka susah hendak bebas daripada tempat tinggal yang mereka tinggal sendiri.

Oleh itu pihak Kebajikan Masyarakat ataupun Kerajaan sayogialah menambahkan peruntukan ataupun bantuan kepada si miskin dan papa ini sehingga kepada \$100 sebulan. Tempoh 3 tahun tinggal di rumah kebajikan adalah amat wajar kerana dalam masa tempoh 3 tahun ini boleh jadi bahawa semua yang papa dan miskin ini dapat seliaan

ataupun diberikan bimbingan untuk mereka hendak menjalani hidup di masa mereka setelah keluar daripada rumah kebajikan ini. Ini adalah terdiri daripada mereka yang muda-muda yang boleh dikatakan apabila keluar dapat mereka mencari matapencarian atau kehidupan mereka sendiri dan dengan itu kiranya belum dapat mereka berdiri atau berdikari, maka hendaklah dilanjutkan kedudukan mereka dalam rumah kebajikan.

Bantuan kepada anak-anak juga, ertiannya anak-anak yatim hendaklah diberi supaya anak-anak yatim tersebut dapat hidup sebagaimana orang lain dan mereka tidak akar merasa kesunyian ataupun mereka tidak terasa tertindih atau tersingkir daripada orang-orang lain.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem pengerusikan Mesyuarat*)

Bantuan kepada orang-orang tua yang mana saya sebutkan tadi hendaklah Kerajaan ataupun Kebajikan Masyarakat mengadakan rancangan yang dinamakan RPR (Rancangan Pemulihan Rumah). Rancangan Pemulihan Rumah ini bolehlah kita pandang daripada segi mereka yang betul-betul berkehendak dan janganlah jadi seperti Rancangan Pemulihan Kampung, bahawa Ketua-ketua Kampung hanya memberi Rancangan Pemulihan Kampung ini kepada mereka ataupun kepada orang yang dipersetujuinya sahaja dan bukan kepada tempatnya. Dengan itu bahawa rancangan Kerajaan tidak akan dapat menyeluruh dan tidak akan memberi kepuasan kepada setiap mereka yang memohon.

Selain daripada itu, juga sebagaimana yang saya telah katakan tadi berhubung dengan pelacur. Ini juga kita rasakan amat berat dan amat menjadi satu tanggungjawab yang begitu hebat kepada Kerajaan oleh kerana mereka ini sentiasa lari daripada kejaran ataupun buruan

Kerajaan dan pihak yang berkenaan, maka sudah tentu sukar bagi Kerajaan untuk mengatasi ataupun untuk menghapuskan apa yang berlaku pada hari ini. Saya haraplah juga bahawa dengan rancangan-rancangan yang difikirkan lebih baik supaya mereka ini dapat ditempatkan ataupun dapat mereka ini dipulihkan, dapat mereka ini diberikan bimbingan, setiaan dan sebagainya dan mereka tidak akan kembali kepada kerja mereka yang asal ataupun kerja yang dikutuk oleh Allah subhanahu wataala.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap bahawa kali ini Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak akan ragu-ragu lagi bagi menjalankan usaha untuk mengatasi perkara-perkara tersebut sekalipun keadaan ekonomi meleset dan kita harapkan bahawa usaha Kerajaan ini adalah memberi bekas ataupun memberi kesan kepada masyarakat supaya masyarakat tidak akan mengutuk Kerajaan atau masyarakat tidak akan memulangkan kata-kata kesat kepada Kerajaan bahawa Kerajaan tidak mengambil tahu berhubung dengan keadaan orang miskin dan papa, hanya memandang berat kepada orang yang berada ataupun orang yang berkebolehan sahaja. Maka dari itu kita akan mendapat sokongan dan juga kita akan mendapat lebih-lebih lagi sokongan daripada mereka ini. Kadang-kadang mereka kata, minta itu pun tak dapat, minta ini pun tak dapat, Kerajaan apa? Macam mana kita hendak menyokong Kerajaan? Begitulah selalunya timbul kata-kata yang tidak diingini ataupun kata-kata yang tidak disukai timbul daripada mereka yang tidak berpuas hati kepada Kerajaan. Sungguhpun perkara puas hati ini tidak dapat diatasi, tetapi walau bagaimanapun Saya rasa hendaklah kita memikirkan perkara-perkara yang boleh mendatangkan faedah ataupun mendatangkan kebaikan kepada mereka supaya orang-orang ini tidak

lari ataupun tidak berpaling tada daripada Kerajaan kita yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memandang pula kepada apa yang ada dalam pindaan, iaitu Fasal 2 membuat peruntukan mengenai pindaan kepada seksyen 3 Akta yang menurutnya, "jika didapati bahawa seseorang orang papa setelah tinggal di rumah kebajikan selama satu tempoh, sebagaimana yang diarahkan oleh Majistret, yang mana tempoh itu tidak boleh melebihi 3 tahun, tidak juga pulih sepenuhnya, maka orang papa itu boleh diperintahkan supaya tinggal di rumah kebajikan selama satu tempoh selanjut yang tidak melebihi 3 tahun oleh Majistret atas syor Pegawai Kebajikan".

Saya rasa ini tidaklah teruk sangat pergi ke Majisteret, bolehlah kepada pegawai-pegawai ataupun kepada penghulu-penghulu yang boleh memberi keizinan ataupun mengatakan bahawa orang papa ini boleh tinggal lebih lama lagi dalam Rumah Kebajikan untuk dia mencari jalan macam mana dia hendak menjalani hidupnya pada masa-masa yang akan datang. Dengan itu saya rasa tidaklah sia-sia usaha Kerajaan, umpamanya di dalam Rumah Kebajikan ini banyak cara-cara yang diajar ataupun boleh dibimbing mereka ini.

Di Rumah Kebajikan ini, jika sekiranya diadakan, saya rasa seperti berkebun, bertanam dan sebagainya, ini juga satu usaha untuk meninggikan ataupun untuk mencari jalan bagaimana mereka hendak meninggikan taraf ekonomi mereka pada maa-masa yang akan datang. Begitu juga kita boleh tengok bahawa dari apa jurusan ataupun apa cara yang mereka ini berminat, maka hendaklah diberi cara-cara bimbingan kepada minat-minat yang mereka itu minat sendiri, Sekiranya dia minat menjahit, kita beri dia bimbingan minat

menjahit supaya apabila keluar dari Rumah Kebajikan nanti, Kerajaan akan menyelia ataupun akan mengikuti perkembangannya supaya ia akan menjadi sebagai satu pencarian untuk saraan hidupnya sehari-hari.

Seperti Rancangan Pemulihan Rumah (RPR), jika kita beri kepada orang-orang tua ataupun orang papa, orang miskin, maka saya rasa di kampung-kampung usaha orang kampung itu sendiri adalah rajin berusaha kadang-kadang, tetapi oleh kerana kemiskinan maka mereka tidak dapat membuat sesuatu.

Seperti apa yang telah kita dengar bahawa menganyam, rajin orang-orang kita di kampung, macam-macam anyaman boleh dibuat dan sekiranya ini boleh dilakukan, ertinya diberikan bimbingan anyaman dan sebagainya untuk dia menganyam, kemudian dijual dan hasil jualan tersebut dipulangkan kepada orang-orang miskin tadi untuk dia menyara hidup ataupun untuk dia membuat belanja kehidupannya sehari-hari.

Banyak lagi perkara-perkara yang boleh kita perhatikan dan tidak mendapat perhatian daripada pihak Kementerian ataupun daripada pihak Jabatan Kebajikan dan kadang-kadang pegawai-pegawai di Jabatan Kebajikan ini bukanlah pula kita hendak menidakkannya usaha mereka ataupun kerja mereka memang baik, tetapi ada tempat-tempatnya bahawa mereka ini adalah terlampaui sangat memeriksa ataupun mengira tempat-tempat yang mereka akan beri bantuan dan sebagainya. Begitu juga anak-anak yatim, kadang-kadang ada diberi bantuan sekolah, bantuan basikal dan sebagainya, sungguhpun begitu ada juga perkara-perkara yang tidak mencukupi yang mereka perlukan untuk kehidupan saraan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya dengan amat sukcitanya menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

4.37 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pgرتua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan bagi mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Orang-orang Papa 1977.

Telah banyak diperkatakan tentang harapan dan pandangan-pandangan serta cadangan-cadangan yang telah pun didedahkan kepada Kementerian berkenaan, maka saya berdiri di sini ingin mendapat kepastian daripada pihak Kementerian yang berkenaan tentang istilah "papa" yang dimaksudkan dalam Akta ini, kerana sebagaimana yang sama-sama kita maklum, manakala kita teliti tentang pindaan Akta yang dicadangkan ini maka kita dapati bahawa yang dimaksudkan kepapaan itu ialah mereka yang didapati merayau-rayau di jalan-jalan ataupun mereka yang kita dapati tinggal di tepi-tepi jalan atau didapati pada tempat-tempat yang tidak ada pertolongan, melainkan dengan pertolongan pihak Menteri berkenaan ataupun pihak Jabatan berkenaan, yakni Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kalau istilah ini dapat difahamkan dengan sebenar-benarnya, maka dapatlah kita faham bahawa yang dimaksud dengan pindaan Undang-undang yang menggunakan Mahkamah untuk menetapkan orang-orang papa tinggal di tempat-tempat Rumah Kebajikan ini dengan had masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji dari asal kejadian manusia bahawa selagi alam ini ada dan selagi manusia ada, maka kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah kepapaan ini, sebab manusia-manusia yang bernasib, sebagaimana yang dimaksudkan ini, yakni bernasib kepapaan ini memang tidak dapat diselesaikan oleh manusia, sebab Allah taala menjadikan manusia dalam dunia ini mempunyai peringkat, iaitu peringkat orang yang mendapat kenikmatan kekayaan hidup mewah dan manusia yang hidup sederhana dan manusia yang hidup miskin dan fakir, yang paling malang lagi ialah manusia yang ditimpa di atas keadaan kepapaan ini.

Kalau ditinjau dari segi kedudukan orang Melayu, orang Melayu adalah sebagaimana yang kita faham yang begitu menjaga keperibadian, yang menjaga kedudukan masing-masing kadangkala kita sogokkan dengan panggilan seorang miskin, itu pun sudah menerbitkan masalah kepada peribadi mereka.

Begitu juga kalau ikita tekankan dia kepada kefakiran, itu lebih dahsyat lagi, mereka tidak suka dianggap dirinya itu fakir dan apa lagi manakala kita sebutkan dia papa. Papa kalau diistilahkan kepada orang Melayu ialah orang-orang yang tidak ada langsung bahagianya dalam kehidupan ini, maknanya tidak ada langsung kebahagiaan dan tidak ada langsung keluarga dan tidak ada langsung harta-benda. Jadi, kalau diistilah dengan kepapaan ini kepada keadaan sebagaimana yang saya dedahkan itu, maka kita dapat faham bahawa untuk mendapatkan orang yang papa ini memang susah dari segi masyarakat orang-orang Melayu. Cuma yang mau mengaku miskin ini dan mau mengaku fakir ini ialah orang-orang yang tawadak, yakni orang yang suka merendah diri, selalu cakap dirinya miskin, selalu mengatakan dirinya fakir tetapi tak pernah

menganggap dirinya itu papa, cuma kalau sudah marah baru ada perkataan papa kedana. Saya ini orang yang papa kedana. Baru dengar kalimah papa itu.

Menyentuh soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak banyak perkara yang harus kita perbincangkan dan kita selesaikan dalatn menyelesaikan pindaan Akta ini sebab sebagaimana yang telah pun disuarakan oleh beberapa rakan-rakan saya terdahulu daripada ini, termasuk Tok Guru, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor telah membentangkan beberapa ayat Quran dan Hadis menerangkan dari segi agama Islam dan kita sudah nampak dan kita sudah faham bahawa manusia yang dijadikan oleh Allah pada asalnya ialah manusia yang dhaif, manusia yang lemah tetapi Allah taala menjadikan mereka itu beransuransur, berikan tenaga, berikan pemikiran dan berikan kekuatan supaya mereka itu boleh hidup dan memandu kehidupannya dalam alam dunia ini selagi mereka ada nyawa.

Memandangkan kepada keadaan ini dapat kita buat ramalan ataupun tanggapan bahawa orang-orang yang dimaksudkan dengan papa iaitulah orang-orang yang kita dapat tidak ada tujuan-tujuan hidup di dalam masyarakat, malahan mereka itu merayau-rayau di sepanjang-panjang kawasan atau di sepanjang-panjang jalan atau di sepanjang-panjang bandar ataupun di mana terdapat kumpulan-kumpulan manusia berhimpun ataupun kedapatan juga beberapa bilangan yang beratur di hari-hari mulia, umpamanya, hari Jumaat, di tepi-tepi jalan menuju ke masjid dan di pinggir-pinggir masjid. Maka ini diistilahkan orang yang papa, tetapi kita tidak boleh melupakan bahawa orang-orang yang seumpama ini kadangkala bila dibuat tangkapan dan kita buat penyelidikan, mereka ini sebenarnya bukan papa, malahan mereka ini ada mempunyai masalah-masalah yang tertentu dalam kehidupan mereka.

Umpamanya, katau ditinjau daripada keluarga-keluarga mereka, kadang-kadang kita dapati bahawa keluarga-keluarga mereka mempunyai kehidupan yang lebih baik yang tidak sepatutnya membiarkan keluarga malang ini duduk merayau ataupun duduk di tempat-tempat sunyi, meminta harapan pada pihak-pihak yang lain.

Kadangkala kita tengok orang yang kita anggap papa ini menipu diri mereka sendiri kerana cari jalan mudah, cari jalan senang dah mereka sanggup duduk ataupun pergi berjalan dengan menghulurkan tangan kepada orang ramai meminta sesuatu ataupun belas kasihan di atas kemampuan orang yang memberi. Dan kadangkala kita dapati orang-orang yang kita maksudkan papa ini mereka tidak boleh hidup dalam keluarga mereka kerana banyak sekatan-sekatan yang dibuat oleh keluarga-keluarga itu, kadang-kadang dari segi didikan dan keperibadian mereka itu maka mereka ini satu manusia yang ganas atau satu manusia yang sentiasa melayan hawa nafsunya, maka mereka keluar.

Umpamanya, sepetimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya tadi iaitu ini berlaku kepada gadis-gadis yang melacur diri di tempat-tempat pelacuran yang kita anggap kesemuanya ini ada diistilahkan kepada orang papa. Jadi, dapat difahamkan kalau beginilah kedudukan dan keadaan masyarakat, tidak kira apa bangsa ataupun apa agama, tetapi mereka ini punca menjadikan diri mereka itu seperti keadaan demikian adalah di atas tekanan-tekanan yang tertentu, sebab daripada apa yang kita dapati dalam masyarakat kehidupan rakyat Malaysia ini, terutama sekali sama ada rakyat itu rakyat orang Melayu ataupun rakyat orang Cina dan sebagainya, banyak orang-orang papa yang kita tak dapat tengok di tengah-tengah masyarakat, merayau-rayau di

tepi jalan ataupun meminta sedekah di tempat-tempat sepetimana yang saya sebutkan tadi, tetapi mereka tinggal di celah-celah kampung, di pinggir-pinggir kampung yang manusia di dalam masyarakat itu sendiri tidak mahu mengambil tahu tentang keadaan dan setengah pegawai-pegawai ini pun tak mahu tahu tentang kedudukan mereka.

Kalau kita selidik orang yang tinggal di ceruk-ceruk kampung dan di pinggir-pinggir kampung atau di rumah-rumah yang disebutkan oleh Yang Berhormat terdahulu daripada saya tadi, dengan keadaan hidup yang paling dhaif, itu lebih patut dibela daripada kita membela orang-orang yang kita maksudkan tadi, yakni peminta-peminta sedekah, pelacur-pelacur dan sebagainya kerana kehidupan orang-orang itu pada latar belakangnya adalah lebih baik, tetapi oleh kerana kawalan tidak ada pada diri mereka, tidak ada didikan dan tidak ada tarbiah ataupun kerohanianya tidak begitu baik dan tidak begitu bersih, maka mereka sanggup mencemarkan nama keluarga mereka dan menghina diri mereka dan menceburkan diri mereka di arah perkara-perkara yang tidak sepatutnya dibiarkan oleh Kerajaan dan dibiarkan oleh orang-orang yang tertentu.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta ini saya mengalukan kalau dimaksudkan kepada orang papa ini ialah orang yang dhaif, orang yang tidak mendapat pembelaan, maka orang-orang yang seperti ini rasanya untuk dihadkan tinggal di rumah-rumah kebajikan ini dalam jangka tiga tahun atau dalam tempoh masa tiga tahun, rasa saya kurang persesuaiannya. Bagi mereka yang saya dedahkan waktu awal-awal tadi bahawa mereka yang ada tenaga, mereka ada kekuatan dan mereka ada kemampuan, dan mereka ini masih subur, masih cantik-cantik, masih menawan; kalau tidak cantik, tak menawan, maka dia tak melacurkan

diri, maka orang-orang yang seperti ini patutlah difikirkan sebagaimana pindaan Akta ini, memang sesuai kerana mereka ini manakala kita berikan latihan-latihan dalam bidang-bidang yang tertentu yang disesuaikan dengan kemampuan yang ada pada mereka ataupun disesuaikan dengan kebolehan yang ada pada mereka, maka mereka ini dikeluarkan dalam tempoh masa tiga tahun atau terawal daripada itu mengikut pandangan dan kajian Kementerian berkenaan. Maka itu kita alu-alukan. Tetapi dan segi apa yang kita tengok di rumah-rumah kebajikan orang-orang tua, ketika ini maka kita kedapatan bahawa ada wanita-wanita atau laki-laki yang paling daif.

Kalau dikeluarkan dalam masa tiga tahun itu pun mereka tidak boleh hidup berdikari secara persendirian. Malahan mereka itu lebih suka duduk di rumah-rumah kebajikan. Ini dari segi apa yang saya sendiri telah tinjau dan tengok cuba berbual-bual dengan orang-orang tua itu, maka mereka menyatakan bahawa mereka lebih suka untuk mati dalam rumah kebajikan daripada dikeluarkan daripada rumah kebajikan. Tetapi dalam pada itu ada juga memang kedapatan, ada kedapatan orang-orang yang daif ini atau orang-orang yang tua ini mempunyai semangat walaupun tidak ada tenaga, mereka cuba lari daripada rumah kebajikan ini sehingga pegawai-pegawai yang menjaga rumah kebajikan itu atau kakitangan yang menjaga rumah kebajikan itu terpaksa menggunakan masa mencari mereka di mana mereka telah pergi. Ini memang ada kedapatan. Itu menunjukkan orang-orang yang buntung ini memang mereka jadi papa oleh kerana satu tekanan yang ada pada diri mereka. Tetapi kalau dia papa dengan secara tersendiri maka dia tidak akan mahu lari daripada rumah kebajikan ini

malahan dia mahu tinggal dalam rumah kebajikan hingga dia kata biar sampai dia mati.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebabnya menjadi kepapaan ini juga kadang-kadang ada berunsurkan keagamaan. Umpamanya satu agama lain pergi menganut agama lain, atau satu bangsa yang beragama lain pergi menganut satu agama lain. Kadang-kadang pun berlaku juga masalah kepapaan ini kerana mereka memikirkan manakala mereka pergi masuk ke satu agama yang lain khususnya masuk agama Islam pada mereka ada pembelaan tersendiri daripada agama Islam, pengantungan atau keluarga-keluarga agama Islam itu sendiri, memberikan pembelaan penghidupan kepada mereka, yang mereka dahulu adalah orang yang bukan Islam, kemudian mereka jadi Islam, lepas itu mereka memikirkan duduk dalam Islam ini terpaksalah merayu daripada satu orang Islam kepada satu orang Islam lain, itulah cara hidup Islam yang paling suci, yang paling baik, yang paling diatur. Ini yang timbul masalah juga. Ini pun timbul.

Jadi, dalam masalah keagamaan ini tiap-tiap satu orang yang hendak memasuki agama Islam itu harus dipastikan dahulu sama ada mereka ini mempunyai tenaga dan kekuatan kalau sekiranya mereka memeluk agama Islam maka kita akan memberitahu kepada mereka bahawa usaha-usaha yang ada sekarang mestlah dikekalkan, cuma yang ditukar itu ialah akidah kepercayaan itu dan cara beramal. Itu sahaja yang ditukar, yang lain tidak ditukar. Kenapa dia boleh berhenti dan lari menukar corak dia daripada dahulu kepada yang ada sekarang. Yang ditukar hanya satu sahaja akidah kepercayaan mereka daripada tidak mengaku Tuhan itu satu kepada mengaku Tuhan itu satu. Itu sahaja, yang lain tidak perlu. Ini pun kedapatan orang-orang untung ini

juga dan kadang-kadang orang-orang yang papa ini memikirkan bahawa orang-orang kaya menyediakan untuk mereka. Ini yang berlaku. Kadang-kadang manakala dia tidak dapat penagihan daripada orang kaya, dia sudah melahirkan satu keadaan yang daif, lepas itu dia berpura buat papa. Ini pun satu masalah.

Satu lagi yang saya nampak puncanya menjadikan kepapaan ini juga kerana "frust" dalam hidup berkeluarga kerana penipuan yang dilakukan oleh keluarga yang cerdik pandai, keluarga yang cerdik pandai telah menipu mereka itu dari segi kebendaan, mereka oleh kerana kebodohan si papa ini tadi maka dia telah memberikan nama-nama harta dia kepada orang-orang yang tertentu khususnya kelurga dia. Manakala mereka itu telah tidak ada lagi harta dari istilah penagihan tadi maka dengan sendirinya mereka ini terbiar dan tidak dapat pembelaan daripada keluarga-keluarga yang telah diagihkan harta mereka tadi. Sebab itu juga mereka ini pergi.

Dengan sebab itu saya rasa pihak Kementerian yang berkenaan, orang yang seperti ini yang dibuat penipuan oleh satu keluarga pada asalnya dia ada mempunyai harta tetapi oleh kerana pandai dan bijaknya keluarga-keluarga yang ada dalam keluarga mereka itu maka pengagihan harta dibuat semasa mereka masih hidup kemudian dibiarkan orang yang mempunyai harta ini menjadi papa, jadi papa kedana, meleset penghidupannya, merayu, merumis, pergi satu tempat ke satu tempat, tidur dengan tidak tentu arah, makan tidak teratur, tidak ada jagaan langsung, saya menyeru kepada Dewan yang mulia ini supaya Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan sewajarnya kepada keluarga-keluarga yang cuba menjadi pengkhianat ini. Ini tidak boleh dibiarkan. Ini dalam masyarakat sekarang sedang ada.

Begitu juga kadang-kadang kepapaan ini berlaku oleh kerana ingin mewah. Ada satu manusia di bandar Seremban tetapi dia "Sudah jadi allahyarham. Dia minta sedekah hari-hari keluar, pukul 8 pagi tengoklah di bus stand atau di pasar itu, adalah dia. Mata dia tidak berapa buta tetapi buat gaya buta. Yang menjadi kehairanan itu, Tuan Yang di-Pertua, dia boleh bina satu rumah batu tetapi dia merimpat minta sedekah, duit yang dia dapat itu dia balik pergi dengan satu keluarga, keluarga itu mengumpul duit itu akhirnya boleh binasatu rumah batu. Manakala pihak pegawai Kebajikan Masyarakat hendak cuba tangkap dia, dia lari masuk dalam masjid. Itu cara dia hidup. Tetapi allahyarham wallahu'lam kita pun tidak tahu apa Tuhan hendak bagi dengan dia. Jadi dengan pindaan Akta ini yang saya rasa penekanan yang harus dibuat laitu pertimbangan belas kasihan kepada mereka ini.

Menyentuh kepada Akta Pasal 4 ini tentang pegawai-pegawai yang mengambil tahu' kepada saudara-saudara yang papa ini, yang malang ini haruslah dibuat kawalan yang betul-betul dan dibiati tinjauan serta diziarah secara baik dan diatur waktuwaktu yang tertentu supaya mereka ini jangan dibiarkan begitu sahaja kerana kedapatan sebagaimana yang disebut oleh beberapa saudara yang dahulu pada saya tadi bahawa bantuan yang diberikan oleh pihak Kebajikan Masyarakat adalah yang \$50.00, ada yang \$30.00, ada yang dekat \$100.00 mengikut bilangan keluarga mereka tetapi mereka ini tidak diambil tahu cuma yang tahu dia datang ke pejabat tandatangan atau cap jari ambil bantuan, dia tidak tahu, dia tidak tanya apa telah jadi pada mereka. Bantuan yang diberi itu saya rasa itu hanya simpati Kerajaan kepada kehidupan mereka tetapi tidak akan hendak dikekalkan buat selamalamnya sebab mereka terpaksalah

berusaha cari apa yang patut untuk bekerja dan menambah rezeki, kerana kalau kita sebut orang Islam, orang Islam ini kadang-kadang manakala kita dedah unsur-unsur keislaman itu kelebihan bersedekah dan bahaya-bahaya ataupun kurang baik, kita minta sedekah ini kadang-kadang mereka mahu juga terima.

Kadang-kadang kalau kita bawa cerita Nabi Allah Daud, mohon izin, kata Nabi Allah Daud, makan dengan usaha tangan sendiri itu adalah lebih baik daripada kita makan daripada tenaga tangan orang lain. Sebab itu Nabi Allah Daud, bila kita baca sejarahnya, dia sanggup pergi ambil upah jual kayu api kerana hendak membawa, hendak menjaga maruahnya, hendak menjaga ketinggian keperibadiannya.

Jadi kita orang Islam ini kalau faham perkara ini, maknanya kita tak hendak pertolongan orang lain, malahan kita akan berusaha sendiri, kadar mana yang kita perolehi rezki, sekadar itulah perbelanjaan dan keperluan yang kita buat. Kita tidak perlu memikirkan yang besar-besar, kerana kita tidak sampai kepada tahap itu. Itu sifat orang-orang Islam. Tetapi orang yang bukan Islam, yang kita nampak zahir macam biasalah. Bagi orang Islam, dia tak mau cara yang macam ini, tetapi kerana didikan sekarang ini sudah moden, banyak orang beri bantuan, banyak subsidi sampai, orang-orang politik pun kerja banyak, hendak tawan orang itu pula dengan duit, kadang-kadang hendak cari nama, cari dua-tiga-empat orang, katakan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, orang ini dhaif, tolonglah beri bantuan, sedangkan pendapatannya lebih baik tetapi oleh kerana hendak menjaga nama title, hendak jaga nama tadi sehingga merosakkan keadaan masyarakat dan merosakkan budget Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Ini perkara betul, ada kalanya tak betul bantuan itu. Jadi pemberian itu kerana hendak sogok, hendak dapat nama. Satepas beri sogok, dia pergi jumpa orang itu balik, dia kata adakah dapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat? Dapat—itu saya tolong. Pada hal orang itu tak masuk peringkat kepapaan, tak sampai, tetapi oleh kerana hendak menjaga nama, seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa Pegawai-pejawai yang ditugaskan di daerah-daerah itu menengok, kehidupan orang-orang yang kita beri bantuan itu supaya dapat dibuat kajian secara strateginya supaya dapat kita ketahui berapa kemajuan kehidupannya dari semasa ke semasa.

Kalau orang itu tua, tentulah dia semakin lama semakin lemah, patutlah bantuan itu diteruskan dan patut difikirkan ditambah bantuan itu sebagaimana yang dilaung-laungkan tadi. Tetapi kalau orang itu muda, sengaja sahaja dia memikirkan \$50, \$70 atau \$90 sudah cukup untuk menambahkan pendapatan dia, maka orang ini tak perlulah lagi kita agihkan bantuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kepapaan ini, saya rasa kalau kita dedahkan kepada masyarakat orang Melayu, dia fikir makna papa itu, mungkin lebih senang Menteri yang berkenaan. Bila sebut papa, kalau hendak menjadi papa, ambillah bantuan ini—tak hendak pula, fasal yang miskin pun tak mau terima. Fakir pun tak mau terima, papa lagi susah terima. Jadi kalau diistilahkan dengan kepapaan ini untuk kita membela nasib orang-orang yang terbiar ini, yang terdedah keadaannya, sepatutnya fizikal dia kuat, pemikirannya bagus, tenaganya baik, dia merayau-rayau—ditangkap, dibawa depan Majistret kerana kesalan-kesalahannya meminta sedekah di tengah khalayak ramai tadi, maka sabit kesalahannya, kita hantar ke Rumah Kebajikan

Masyarakat, kita buatkan pertimbangan. Maka orang-orang ini, manakala ditempatkan di situ dalam tempoh masa tiga tahun, balik besok, kita keluarkan dia, kita beri dia pengawasan dan kita berikan dia peluang-peluang yang boleh menolong kehidupannya, maka ini saya sokong cukup saya sokong. Tetapi masalahnya orang-orang yang seperti ini kalau dia jadi papa atas sebab-sebab peribadinya yang saya sebutkan tadi, apabila dia keluar daripada Rumah Kebajikan Masyarakat, dia akan balik semula dengan keadaannya. Ini serupa macam orang dahad juga.

Umpamanya kalau kita masukkan wanita-wanita yang melacurkan diri dalam satu kawasan rumah, dulu dikatakan di Rembau ada seorang, kalau dia keluar daripada situ, kadang-kadang dia balik pergi melacur, besok tangkap balik, kerana peribadi dia memang macam itulah keadaannya — dia syok. Macam orang merokok, kalau kita bertanya, fasal awak merokok? Jawabnya kerana syok. Tetapi kalau kita bertanya, fasal apa engkau melacur, jawabnya syok. Tak dapat kita hendak tahan, serupa juga orang penagih dahad.

Tetapi dalam masalah ini kita buat penekanan, kita buat sebagaimana yang dicadangkan tadi, kalau boleh diberikan kepada dia satu kawasan yang diawasi oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, sama ada tanah atau tempat berniaga dan sebagainya, tak boleh kita lepaskan dia dengan keadaan yang macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak masalah-masalah dari segi keperibadian manusia ini yang harus kita fikirkan bahawa masalah kepapaan ini memanglah selagi alam ini beredar, selagi manusia masih dijadikan oleh Allah taala, maka masalah ini tidak akan dapat kita selesaikan. Cuma Akta ini sebagai

mengawal keadaan dan kedudukan yang ada dan hendak diberi tanggungjawab sama ada di pihak Kementerian ataupun pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga hendak diberikan tanggungjawab kepada orang ramai supaya dapat kita memelihara, kalau pun tak dapat kita hapuskan, dapat kita memelihara keadaan yang menyedihkan, masalah ini dapat dikurangkan, dan kita mohon mudah-mudahan apa yang kita harapkan ini akan disampaikan oleh Allah taala dan kita harap apa yang kita buat ini betul-betul di atas pertimbangan belas kasihan dan perikemanusiaan dan kita rasakan orang-orang yang papa itu kerana nasib mereka. memang Tuhan sudah jadikan keadaannya macam itu, tetapi kita alhamdulillah syukur, Allah bagi kita dalam keadaan yang ada ini tetapi kita mohon supaya kita jangan pula jadi orang papa.

Kita tak mahukan nasib sebagaimana nasib orang-orang ini dan juga tak mahukan keturunan-zuriat kita ini masuk dalam lingkungan-lingkungan yang dikutuk oleh masyarakat sebagaimana keadaan melacurkan diri, buat perkara yang tak baik dan sebagainya, sehingga mereka ini dikumpulkan dalam golongan orang yang papa.

Jadi dengan kata-kata saya itu, maka sekali lagi saya menyokong di atas Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta Untuk Meminda Akta orang-orang Papa, 1977. Sekian, terima kasih.

5.07 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut serta untuk membahaskan Suatu Akta untuk meminda Akta Orang-orang Papa, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri sewaktu membentangkan Akta ini pada petang semalam iaitu untuk memberikan:

- (1) untuk memberi kuasa menghadkan tempoh seseorang yang ditahan kepada tiga tahun;
- (2) untuk memberi kuasa kepada Majistret untuk menambahkan tempoh tahanan tidak melebihi tiga tahun;
- (3) untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk memendekkan tempoh tahanan;
- (4) untuk mengadakan seliaan selanjutnya kepada orang-orang papa yang dilepaskan dari tempoh yang tidak melebihi satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya dalam beberapa jam di dalam Dewan tni memikirkan bahawa Malaysia ini adalah sebuah negara yang begitu makmur, negara yang kaya dan subur, kerana Malaysia merupakan negara pengeluar getah yang terbesar di dunia, Malaysia juga pengeluar minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia, Malaysia juga pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia, Malaysia juga pengeluar lada hitam yang terbesar di dunia dan lain-lain lagi negara kita ini mengatasi beberapa negara lain, jika dibandingkan dengan saiz besarnya negara kita ini dengan negara-negara lain.

Salah satu daripada tanggungjawab Kementerian Kebajikan Masyarakat selain daripada perkara-perkara mengenai dengan khidmat am, biasanya melibatkan dengan kanak-kanak yang teraniaya, kanak-kanak yang mengemis, kanak-kanak yang sentiasa disara berjumlah 20,198 orang pada tahun 1984, kemasukan ke rumah-rumah kanak-kanak dan orang-orang tua yang disara sahaja ada 10,000 orang lebih. Kemudian

kemasukan ke rumah orang-orang tua, kes kesejahteraan keluarga, kes bantuan yang lain-lain, kemudian termasuk pula kes orang-orang papa.

Apabila saya teliti-teliti orang-orang papa ini ialah pengemis iaitu peminta sedekah. Saya merenung kerana dalam Bahasa Melayu ini ada dikatakan papa kedana, rupanya Parlimen kita ini terpaksa meluluskan satu Akta meminda kes papa kedana. Jadi kalau yang papa kedana ini ialah memang papa yang hakiki, papa yang original memang papa - pada kedana, tetapi ada satu jenis papa yang papa dibuat-buat. Ini yang saya minta supaya kita menganalisa. Kalau mereka yang benarrbenar memang papa kerana dhaif, negara kita yang begini kaya ini tidak sepatutnya ada orang papa. Jadi kalau berlaku ada orang papa mesti ada sebab-menyebabnya yang ada di mana-mana kesilapan.

Orang Malaysia, sama ada orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Iban, Kadazan, Murut, Bisayau, orang Sungai, orang Bajau dan sebagainya adalah orang timur. Orang timur yang kuat kepada ikatan keluarga—kekeluargaannya kuat.

Jadi sepatutnya tidak timbul orang-orang papa yakni peminta sedekah yang merayau dan merayap, hatta di Jakarta sana manusia-manusia "gelandangan". Orang yang bergelandangan tidur di kaki lima, di bawah-bawah jambatan. Yang paling hebat sekali di Malaysia ini ada orang papa yang tidur di atas kubur. Barubaru ini berlaku di perkuburan Islam di Jalan Ampang, ada orang-orang yang tidur di tanah perkuburan, di celah-celah batu nisan kerana kubur di Malaysia ini juga adalah terjumlah daripada kubur orang yang kaya-kaya kerana dibuat daripada terrazzo, batu mar-mar sehingga orang tidak takut lagi tidur di atas kubur.

Adakah mereka itu juga termasuk orang papa kerana mereka tidak ada rumah. Kalau mereka ini dimasukkan ke dalam golongan orang-orang papa dibawa kepada Pusat Pemulihan Bina Diri di Mersing, sedangkan rumah Pusat Bina Diri di Mersing itu pun sempit, diisi 400 orang, tambah lagi dengan orang-orang papa yang berbuat-buat papa ini, maka tanggungjawab Kementerian Kebajikan akan makin berat terutama dari segi kewangan. Kita sekarang dalam menghadapi zaman kemelesetan, tambahan lagi orang papa pula hendak diberi makan percuma. Duit daripada mana yang kita hendak sogokkan, hendak masukkan ke situ. Anjuran supaya diadakan pungutan-pungutan derma, ini memanjakan kepada mereka yang papa berbuat-buat papa. Kalau sebenar-benarnya papa—Okay, Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapa, ini tanggungjawab "waizilqurba" ini tanggungjawab kita "walyatama, walmasakin"—ini kalau masuk dalam 8 asnab Bab Zakat Fitrah sana kita boleh keluarkan satu asnab kepada orang-orang papa, orang fakir yang sebenar-benarnya fakir, sebenar-benarnya papa tetapi kepada orang fakir yang berbuat-buat fakir, orang papa yang berbuat-buat papa, ini Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kena berhati-hati.

Saya terpaksa menyemak buku Belanjawan Tahun 1986, saya semak kes orang papa tahun 1984 — 612 orang, tahun 1985 — naik 790 orang, tahun 1986 dianggarkan naik 800 orang. Jadi nampaknya Kerajaan sudah tahu pada tahun 1986 ini orang papa bertambah. Jadi makin ekonomi kita keadaan macam ini, orang papa makin bertambah, saya buka dalam buku Anggaran Belanjawan saya semak mukasurat 140.

Kemudian penghuni di pusat pemulihan pengemis atau orang papa 420 orang pada tahun 1984, 1985 — 420 orang, 1986 — 420 orang.

Jadi katau ada 800 orang papa yang akan timbul pada tahun 1986 sedangkan pusat pemulihan sanggup menampung 420 orang, yang 300 lebih ini nanti akan diletakkan di rumah orang-orang tua, di pusat-pusat pemulihan lain, sedangkan di rumah orang-orang tua ini keadaan nenek-nenek yang di situ itu telah begitu teruk keadaannya daripada segi fizikalnya, mentalnya. Jadi bagaimana kalau ditambah pula dengan orang-orang papa tadi dimasukkan ke situ sedangkan yang ada di Desa Bina Diri di Mersing itu pun berlaku kadang-kadang percaduhan, pertengkaran antara mereka sesama mereka.

Ini orang-orang papa yang dapat ditangkap oleh penguatkuasa daripada Kementerian Kebajikan ini dibawa ke situ untuk dipulihkan, untuk diberi latihan dan sebagainya. Sampai begitu sekali Kerajaan kita mengambil berat, sampai begitu sekali Kerajaan kita hendak memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Jadi padan dengan namanya Kementerian Kebajikan Masyarakat, memberi kebajikan, jadi apabila timbul kebajikan maka naiklah bantuan kebajikan daripada \$15 kepada \$30 mungkin tujuh tahun, lapan tahun, sepuluh tahun yang akan datang bantuan kebajikan orang tua-tua ini, orang-orang daif di kampung-kampung luar bandar, juga dalam bandar akan minta naik sampai \$100 pula — lagi beban kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nampak sekarang ini penyakit orang papa atau pengemis atau peminta sedekah sama tuannya dengan umur pelacuran, sama tuanya dengan umur candu, dadah dan sebagainya. Jadi selagi ada dunia, selagi ada manusia, pengemis, orang papa, pelacuran tidak dapat hendak dielakkan. Namun demikian, kita berusaha untuk mengurangkannya sebanyak-sedikit dan kita berusaha kalau dapat di bumi Malaysia ini dibersihkan daripada

orang-orang papa yang dianggarkan ada 800 orang dalam negara kita ini. Tidak tahulah kalau anggaran itu lebih daripada kaca mata Kementerian Kebajikan Masyarakat ada lebih daripada 800 orang. Jadi kalau 800 orang ini dapat diselia dengan sebaik-baiknya sama ada mengikut Akta yang hendak dipinda itu ditahan selama tiga tahun, sedangkan kalau saya fikir-fikir, saya buat kira-kira kalau satu hari perbelanjaan orang ini \$2, sebulan berapa, setahun berapa, tiga tahun berapa, berjuta duit - berjuta duit akan dikeluarkan untuk memulihkan orang-orang papa yang sekian ratus orang ini, sedangkan sepertimana kata Ahli-ahli Yang Berhormat tadi memang ada di kalangan orang-orang papa ini menjadi kesukaan, kegemaran kepadanya untuk meminta sedekah kerana ini mendapat rezeki yang paling senang.

Satu, dua contoh misalnya di Melaka sana, minta maaf, di bandar Melaka ada satu orang yang sentiasa minta sedekah, dia kata, encik minta saya 20 sen, saya kehabisan duit tambang balik. 20 sen, 20 sen, 30 sen, 50 sen, satu hari entah berapa ratus orang yang diminta sebanyak itu, setiap kali saya singgah di bandar Melaka, beliau ini masih berapa di kaki lima - minta saya kehabisan tambang tolonglah 50 sen sahaja, hendak balik ke kampung.

Kemudian perjalanan daripada tempat saya ke Kuala Lumpur, ini setiap pagi saya akan nampak dua, tiga orang yang sentiasa menunggu bas membawa anak kecil, apabila sampai di Kuala Lumpur, di sekitaran Chow Kit, sekitaran Masjid India berperanan sebagai orang papa atau pengemis, hari-hari begini. Sama ada orang ini pernah dimasukkan ke Pusat Pemulihan Bina Diri atau tidak wallahu'alam bissawab.

Dan sekarang ini pengemis atau orang papa ini pula bukan sahaja di bandar, malah di kampung di kawasan perumahan dia cari orang-orang yang ada sedikit nama, memang ada dikenali orang, kononnya dia keria langan, dia minta tambang hendak balik ke tempatnya, \$15, \$20 dengan belanja makan minum lebih kurang tolonglah, tolonglah dengan menitiskan air mata. Apabila saya berjumpa dengan kawan, dia pun terkena, jumpa kawan lain, dia pun terkena. Jadi kalau satu pagi dia dapat mengabui mata tiga, empat orang erti nya \$100 dia dapat satu hari, sebulan \$3,000, setahun berapa, kalah pendapatan pegawai Kerajaan.

Ini juga orang papa, pengemis moden, pengemis kehormat selain daripada pengemis yang benar-benar pengemis tadi. Pengemis yang benar-benar miskin memang papa kerana ini pengemis-pengemis moden yang sekarang ini berlegar di negara kita bukan sedikit, saya rasa ini tidak termasuk dalam angka 800 yang ada dalam buku Belanjawan oleh Kementerian Kebajikan kita. Ini kadang-kadang juga memeningkan. Dan kadang-kadang ini menimbulkan rungutan orang ramai, apa Kerajaan tidak bertindak kepada orang ini. Kerajaan tidak tahukah, ini dipukul kepada Kerajaan. Apabila Kerajaan tidak tahu nanti Wakil Rakyat tidak tahu, Wakil Rakyat tidak tahu, Menteri tidak tahu, UMNO tidak tahu, kenapa tidak diambil tindakan, ini jadi buah mulut. Pembangkang pun gunakan, negara kita ini saudara-saudara negara sistemnya kucar-kacir, lihat sahaja pengemis-pengemis masih bergelandongan. Peminta-peminta sedekah menjadi cendawan tumbuh di bandar-bandar dalam negara kita, ini membuktikan bahawa Kerajaan yang memerintah ini tidak tahu membela nasib rakyat, orang pun bertepok; kita pun seram bulu tengkorak.

Mengapa keadaan ini berlaku. Jadi, patutnya kajian dan siasatan dibuat lebih mendalam. Saya percaya pihak yang bertanggungjawab di dalam Kementerian telah pun membuat kajian, dan membuat penyiasatan, sebab saya pernah tanya, tidak bolehkah orang ini ditangkap. Bukan senang hendak tangkap pengemis-pengemis ini, ada akta-aktanya, ada undang-undangnya. Jadi, apabila saya sudah duduk dalam Dewan ini kena pula meminda Akta Orang-orang Papa ini baharu saya tahu, bukannya senang hendak tangkap pengemis. Kita bukan boleh heret masukkan dalam Landrover membawa ke majistret, jatuh hukum tiga bulan masuk tahanan, bukan begitu. Jadi, ini adalah penyakit masyarakat, kuman masyarakat sebelum dianya merebak daripada 800 menjadi ribuan, menjadi lebih banyak lagi angka-angka ini maka Kerajaan sepatutnya barangkali saya pun tidak tahu sangat apa kurikulum yang diajarkan sewaktu diadakan pemulihan selama tiga tahun.

Misalnya, Pusat Desa Bina Diri di Mersing. Jadi, kalau kurikulum ataupun matapelajaran yang diajar memberi kesan tentulah mereka yang keluar dari situ dia tidak akan baik semula menjadi papa atau menjadi pengemis. Jadi, kalau manusia ini dengan lembut tidak boleh baik, barangkali dengan cara sedikit keras, dengan cara disiplin yang keras dia akan jadi baik. Kalau awak keluar daripada pusat itu didapati menjadi orang papa, maknanya minta sedekah lagi, awak bukan sahaja dimasukkan ke pusat ini, malah awak akan dihantar pula ke Pudu Jail. Sebab orang ini sudah tahu bahawa mengemis itu tidak baik dan boleh ditahan di pusat, kemudian dia dikeluarkan. Selama tiga tahun dilatih, dia keluar, dia mengemis balik, jadi kesalahan yang kedua ini adakah dilatih lagi dimasukkan balik ke situ ataupun dijatuhkan satu hukuman kerana dia

telah tahu bahawa mengemis itu adalah menjadi kuman kepada masyarakat.

Kemudian kita berbalik kepada masalah orang-orang yang menjadi pengemis ini datang daripada berbagai kaum, rupa, bentuk, jenis lelaki dan perempuan, kanak-kanak dan sebagainya. Saya menggesa supaya Kerajaan mengadakan pusat pemulihan ini berasingan. Saya tidak tahu sama ada sekarang ini dicampur semua sekali orang-orang papa dalam satu pusat, kerana setahu saya dan apabila saya baca, saya semak buku Belanjawan kita bahawa di Kuala Langat ini ada satu pusat pemulihan dan akan dibesarkan pusat pemulihan itu dengan belanja hingga \$1 juta lebih tetapi hanya menggunakan token \$10 sahaja. Jadi, agaknya bila Pusat Pemulihan Pengemis Kuala Langat, Selangor ini akan dibina. Tidak apalah, di daerah saya di Kuala Langat jadi sekolah tempat membetulkan orang-orang papa. Yang sebenarnya, ada sekarang di Sungai Jarum ada rumah orang tua. Apabila tahun baharu atau hari raya Wakil Rakyat kita datanglah hantar limau, apple dua tiga biji, bagi kek seketul. Nampaknya orang itu kekal di situ tetapi itu orang tua. Yang sekarang ini, yang saya sebutkan tadi pusat pemulihan pengemis, maknanya pengemis ini orang papa Kuala Langat, peruntukan diminta \$1,399,980. Agaknya bila akan dilaksanakan, kemungkinan setelah ekonomi kita pulih saya percaya.

Tuan Yang di-Pertua, daripada mereka yang pernah ditahan, daripada mereka yang pernah dimasukkan di pusat pemulihan orang-orang papa ini tentulah Kerajaan atau Kementerian, jabatan ini mempunyai rekod tiap-tiap peribadi seseorang. Jadi, saya ingin tahu bagaimana keadaan mereka yang telah berulang-ulang alik. Berulang-ulang alik dimasukkan ke pusat ini atau beberapa kali dapat ditahan.

Kemudian pusat-pusat pemulihan ini juga mempunyai Lembaga Pelawatnya.

Saya mencadangkan supaya Lembaga Pelawat di Pusat Bina Diri di mana-mana, terutama di Mersing atau di tempat-tempat yang akan datang, lantik daripada orang-orang yang hidupnya mewah daripada golongan jutawan, usahawan yang telah maju supaya mereka dapat melihat bagaimana, di dalam mereka dapat mengumpulkan harta kekayaan bahawa di bumi Allah di Malaysia, negara yang makmur, ada orang-orang papa. Jadi, dengan sendirinya nanti timbul, mudah-mudahan timbul rasa murah hati mereka untuk dapat pula menampung perbelanjaan Pusat Bina Diri ataupun pusat pemulihan itu tidak semata-mata mengharapkan peruntukan daripada Kerajaan. Kalau kebun binatang atau Zoo kita ada orang-orang yang sanggup memberikan dermanya untuk tahunan maka tidak salah kalau Pusat Pemulihan Bina Diri ini juga ada orang-orang, ada rakyat warganegara Malaysia yang kaya-raya sanggup memberikan bantuan tahunannya untuk menolong Kerajaan di dalam membersihkan penyakit-penyakit masyarakat, kuman-kuman masyarakat ini. Latihan-latihan diperlukan supaya lebih sesuai dengan keadaan yang ada sekarang.

Saya berterima kasih kepada kakitangan di pusat-pusat pemulihan yang selama ini telah diberi didikan dan bimbingan kepada orang-orang yang ditahan dipulihkan di situ. Namun demikian, Jika sekiranya jumlah kakitangan dan pegawai di situ tidak mencukupi ini yang menimbulkan masalah. Jadi, Kerajaan sepatutnya menambah jumlah bilangan pegawai, penyelia yang ada di setiap Pusat Pemulihan Bina Diri orang-orang papa ini supaya selaras dengan jumlah yang mampu bagi seorang penyelia atau seorang pegawai yang bertugas menghadapi manusia

yang sedang dalam keadaan hidup yang seperti itu. Kerana tahanan selama tiga tahun fikiran orang itu akan menghadapi berbagai-bagai masalah. Jangan kita fikirkan bahawa mereka merasa lega di situ kerana mereka merasa gelisah selama tiga tahun ditahan tidak dapat mengemis, mereka nanti akan timbul marah, jadi berlakulah pertengkaran di antara mereka yang ditahan dengan petugas-petugas di pusat pemulihan ini. Ini pernahberlaku.

Jadi, untuk mengelakkan supaya perkara ini tidak berlaku yang sebaik-baiknya ialah diasingkan di antara mereka yang dipulihkan tadi mengikut jenis dan umur, kemudian dicukupkan jumlah anggota pemulih. Pegawai penyelia yang menyelia mereka setelah mereka di keluarkan hendaklah mempunyai penyeliaan yang sebaik-baiknya, benar-benar menyelia mereka supaya mereka yang dikeluarkan dari situ benar-benar dapat berdikari di atas kaki sendiri, sesuai dengan kehidupan sebagai seorang rakyat di dalam sebuah negara yang merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini dengan saya sukacitanya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Orang-orang Papa 1977.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.30ptg.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Senator Tuan Jaafar Harun, Senator Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah, Senator Tuan Nasir Manap, Senator Puan Nen Abidah binti Abdullah, Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang dan yang akhirnya Senator

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom yang telah mengambil kesempatan serta mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang bagi meminda Akta Orang-orang Papa 1985.

Sesungguhnya penyertaan serta minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian serta Dewan yang mulia ini terhadap Rang Undang-undang yang berkenaan sudah pasti memberi galakan serta perangsang kepada kami di Kementerian Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga semua pegawai-pegawai untuk menjalankan tugas dengan lebih dedikasi serta menurut apa yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Sepertimana yang telah saya bentangkan semalam, tujuan utama pindaan terhadap Akta Orang-orang Papa ini dibuat adalah untuk menghadkan tempoh maksima tahanan seorang papa kepada tiga tahun dan memberi kuasa kepada Magistrate untuk menambah tempoh tahanan itu tidak melebihi 3 tahun. Seterusnya memberi kuasa kepada Menteri untuk menghadkan atau memendekkan tempoh tahanan dan juga mengadakan seliaan lanjutan untuk tempoh setahun selepas seorang papa berkenaan dibebaskan daripada Pusat Bina Diri ataupun tempat-tempat tahanan yang lain.

Tetapi pada hari ini dan semalam melalui perbahasan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya bukan sahaja kita telah dapat istilah-istilah ataupun takrif-takrif yang berlainan ataupun perkataan-perkataan yang berlainan selain daripada papa, kita juga mendengar berkenaan dengan fakir, miskin, berkenaan dengan papa kedana, berkenaan dengan papa yang tidur di kubur, berkenaan dengan

pengemis moden begitu juga pengemis kehormat dan mereka yang pura-pura mengemis.

Pihak kami amat sukacita bahawa nampaknya Ahli-ahli Dewan Negara bolehlah dikatakan mengambil perhatian yang begitu berat terhadap mereka yang kurang berasib baik di dalam negara ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah ataupun Tok Guru kita semalam telah memperkatakan iaitu jika mereka mempunyai pendapatan kurang daripada 70% daripada keperluan tiap-tiap seorang yang berkenaan, dia bolehlah dimasukkan di dalam golongan yang miskin dan mereka yang mempunyai pendapatan kurang daripada 50% termasuk dalam golongan fakir dan yang lain-lainnya ialah dianggap sebagai papa.

Suka saya menyatakan iaitu mengikut Akta Orang-orang Papa 1977, seseorang papa ditakrifkan sebagai seorang yang mengemis, yang meminta sedekah dengan cara apa jua termasuklah berpura-pura menyanyi, kadang-kadang betul boleh menyanyi, tetapi ada berpura-pura menyanyi, bermain, berlakun yang mana dengan kelakuan merek iaitu akan mengganggu atau mengacau ketenteraman orang ramai.

Orang papa juga ditakrifkan sebagai seorang yang pelesir yang dijumpai di tempat-tempat awam sama ada mengemis atau tetapi tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya dan tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna. Itulah yang terkandung di dalam Akta yang kita pinda pada hari ini dan juga semalam.

Pada masa ini kita mempunyai satu pusat iaitu Pusat Bina Diri, Mersing dan untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Jaafar Harun, bilangan pengemis yang telah berada di pusat yang berkenaan dalam

tahun 1984 termasuk yang keluar dan masuk adalah seramai 683 dan bagi tahun 1985 seramai 578.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk membersihkan bandar-bandar di negara kita dari masalah pengemis dan kutu rayau dan serbuan-serbuan ke atas mereka dijalankan sepanjang masa oleh Pegawai-pejawai Kebajikan Masyarakat.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini sedia maklum adalah penting untuk menjaga imej negara kita, tambahan pula menjelangnya Persidangan PATA yang akan diadakan pada bulan April tahun yang akan datang. Di samping itu melalui serbuan-serbuan yang dijalankan dapatlah Kementerian Kebajikan Masyarakat mengambil tindakan untuk membantu dan memulihkan orang-orang papa menjadi warganegara yang berguna serta produktif.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, orang-orang papa yang ditahan di dalam serbuan tidaklah semuanya dimasukkan ke Pusat Desa Bina Diri, Mersing atau institusi kebajikan yang lain seperti rumah Orang-orang Tua. Mereka yang mempunyai sanak-saudara yang sanggup menjaga mereka, yang memberi pengakuan untuk menjaga orang-orang yang berkenaan sama ada oleh anak, abang, bapa ataupun sesiapa juga saudara mara adalah diletakkan di bawah jagaan saudara masing-masing. Dan sementara itu Kementerian saya berusaha untuk bekerjasama dengan keluarga yang berkenaan atau saudara mara yang berkenaan supaya orang-orang papa ini dapat dikawal dan dijaga dengan sempurna dan di mana sesuai, bantuan pemulihan diberikan, kepada mereka.

Bagi mereka yang masih muda serta sesuai untuk diberikan latihan sahaja, yang dimasukkan ke Desa Binadiri

supaya tindakan untuk memberi kemahiran dari segi pemulihan mereka dapat dilaksanakan, iaitu sebagai tindakan yang terakhir jika sekiranya keluarga tidak mahu mengambil mereka dan memberi pengakuan yang akan menjaga mereka ini dengan baik serta tidak akan mengemis atau menjadi kutu rayau pada masa-masa yang akan datang. Walau bagaimanapun hanya mereka yang tua dan tidak mempunyai sanak-saudara yang dimasukkan ke Rumah Orang-orang tua yang kita kenali sebagai rumah Seri Kenangan sebagai penghuni biasa di rumah-rumah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun bahawa orang-orang tua ini mungkin sunyi di tempat tinggal mereka iaitu di Rumah-rumah Kebajikan Kementerian saya menyedari perkara ini dan telah pun melaksanakan beberapa aktiviti yang boleh mengatasi kesunyian mereka yang berkenaan, dengan cara menggalakkan orang ramai datang melawat ke institusi dan juga beramah-mesra dengan penghuni-penghuni seperti hari terbuka, hari-hari perayaan dan bila-bila masa untuk melawat institusi berkenaan. Selain daripada itu untuk mengeratkan perhubungan silaturahim, Kementerian saya juga menggalakkan sanak-saudara dan ahli-ahli keluarga untuk datang menziarahi penghuni-penghuni dengan seberapa kerap yang terdaya dan untuk mereka jika ingin menziarahi, tetapi tidak berkemampuan, orang-orang ini juga diberi kemudahan tambang percuma untuk menziarahi atau melawat penghuni yang berkenaan. Dan bagi penghuni-penghuni untuk mengisi masa lapang mereka pula, berbagai aktiviti pemulihan dijalankan seperti pertukangan, jahit-menjahit, perkebunan, penternakan dan berbagai kegiatan kraftangan.

Selain daripada itu kemudahan untuk menjalankan amal ibadat seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor dan juga Yang Berhormat Puan Nen Abidah sebentar tadi, memang kemudahan-kemudahan ini sentiasa disediakan dengan guru-guru agama, tempat-tempat kemudahan beribadat dan bersembahyang jemaah. Bagi institusi orang-orang tua, Kementerian saya telah pun menyusun satu peraturan untuk membolehkan orang ramai mengambil penghuni-penghuni berkenaan dibawa balik ke rumah masing-masing pada masa-masa yang tertentu seperti di hujung-hujung minggu, hari-hari perayaan dan sebagainya melalui skim yang dikenali sebagai Skim Bapa Angkat yang diperkenalkan baru-baru ini. Dengan cara ini dapatlah mereka iaitu penghuni-penghuni ini hidup di dalam keadaan kekeluargaan ataupun suasana keluarga dan di samping itu memupuk semangat bertanggungjawab. Serta ingin membantu terhadap mereka yang kurang bernasib baik di kalangan masyarakat yang berkemampuan, orang-orang yang kaya, orang-orang yang telah di redai oleh Allah s.w.t. untuk menjadi orang yang boleh dikatakan nasib yang lebih baik daripada mereka yang kita tempatkan di rumah-rumah yang berkenaan.

Saya bersetuju sangat dengan apa yang dlsarankan oleh Senator Nasir Manaf sebentar tadi, iaitu sesiapa jua yang berkemampuan mengambil mereka ini sebagai bapa angkat, kalau tidak pada mulanya untuk datang dan beramah mesra seminggu sekali ataupun lebih daripada itu dan kemudian mengangkat mereka sebagai bapa angkat.

Bagi Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat, Tuan Yang di-Pertua, mereka ditempatkan ditiap-tiap daerah berdasarkan kepada beban kerja di daerah yang berkenaan dan tidak berdasarkan kepada jumlah

penduduk tempatan. Namun begitu perkara ini kita sentiasa awasi dan jika perlu tambahan pegawai akan diperbuat dari masa ke semasa dan kita akan mengkaji keperluan tenaga yang patut diadakan di sesebuah daerah, negeri bahkan di peringkat ibu pejabat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap orang papa yang dibebaskan akan dikembalikan semula kepada keluarga atau sanak-saudara supaya mereka dapat diserapkan semula ke dalam masyarakat. Usaha akan terus diadakan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk membolehkan mereka menjalankan apa juu aktiviti bergantung kepada kemahiran yang telah diperolehi mereka semasa berada dalam pusat latihan. Bantuan kewangan seperti geran pelancaran juga diberi atau boleh diberi untuk mereka yang ingin menjalankan satu perniagaan ataupun perusahaan. Pegawai Kebajikan Masyarakat akan terus memberi bimbingan dan nasihat untuk mempastikan kejayaan seorang yang berkenaan, itulah sebabnya kita telah menambahkan peruntukan di dalam Akta ini untuk mengadakan tempoh penyeliaan satu tahun selepas mereka ini dibebaskan.

Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Senator Nasir Manaf sebentar tadi, bahawa jika boleh mereka ini ditempatkan di rancangan tanah supaya kemahiran mereka di dalam lapangan pertanian dan perternakan dapat diteruskan apabila mereka keluar dan kita akan kaji cadangan ini sekiranya mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri dan ada tanah-tanah yang sesuai di mana banyak hekas-bekas penghuni di institusi ataupun di Pusat Binadiri mungkin kita boleh laksanakan cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian saya mengendalikan beberapa Skim

Bantuan Kewangan kepada orang-orang miskin seperti bantuan orang tua, bantuan kanak-kanak, bantuan malapetaka, bantuan elaun pekerja cacat dan sebagainya.

Sebagaimana yang telah disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat kelayakan bagi seorang itu menerima bantuan ialah berdasarkan kepada pendapatan keluarga yang tidak melebihi \$190 sebulan, kecuali bantuan elaun pekerja cacat di mana seorang pekerja yang bergaji di bawah \$300 sebutan adalah layak menerima elaun bantuan. Berkenaan kadar bantuan yang diberi kepada penerima-penerima bantuan, Kementerian saya sedar bahawa jumlah yang diberikan itu adalah kecil dan Kementerian sedang mengkaji semula kadar bantuan ini dan jika keadaan kewangan mengizinkan akan kita tambah mengikut keperluan, Di samping itu juga tiap-tiap penerima bantuan adalah digalakkan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi bagi menambahkan pendapatan mereka selain daripada bergantung semata-mata di atas bantuan bulanan yang diberikan. Dalam usaha untuk meninggikan pendapatan sesuatu keluarga itu kemudahan-kemudahan seperti latihan serta geran pelancaran diadakan oleh Kementerian saya.

Suka saya menyatakan di sini, sebagai penjelasan terhadap pertanyaan Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim Haji Ujang, bahawa bantuan kewangan yang diberikan kepada seorang yang miskin adalah sebagai langkah pertama sahaja untuk meringankan penderitaan beliau, tetapi matlamat bantuan adalah untuk memulihkan mereka semula sebagai seorang rakyat yang produktif.

Berbagai usaha dijalankan seperti memberi latihan kemahiran, mendapatkan pekerjaan atau memberi geran pelancaran untuk membolehkan seseorang itu memulakan sesuatu usaha untuk meninggikan pendapatan

mereka. Sehubungan dengan ini adalah menjadi tugas dan tanggungjawab tiap-tiap seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat bekerja rapat dan memberi bimbingan kepada kes-kes di bawah kelolaan masing-masing supaya satu rancangan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sebagai menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Nasir Manap, tiap-tiap seorang yang menerima bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah diberi rawatan percuma di mana-mana hospital dengan hanya menunjukkan kad bantuan mereka kepada hospital yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha untuk membantu orang cacat dari segi mendapatkan peluang latihan, kemudahan tempat perniagaan dan juga pekerjaan. Di samping itu juga geran pelancaran disediakan untuk membolehkan mereka menjalankan sesuatu perniagaan.

Adalah menjadi dasar Kerajaan dan Kementerian saya untuk memulihkan orang-orang cacat serta penerima bantuan dengan seberapa upaya untuk membolehkan mereka berdikari dan Kementerian sememangnya mengambil berat di atas hal agama bagi orang-orang cacat. Di tiap-tiap institusi jagaan dan pemulihan orang cacat disediakan kemudahan ajaran agama dan tempat ibadat bagi mereka yang beragama Islam. Di samping itu juga mereka adalah digaikkan bersebahyang berjemaah. Kemudahan juga diberi kepada pengikut agama lain.

Usaha telah juga dibuat dengan kerjasama Jabatan Agama, khasnya Pusat Islam, Kementerian Pelajaran dan pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk menyusun dan memperkemaskin pengajaran agama di kalangan orang-orang cacat. Al-Quran di dalam bentuk "Braille" sedang diuruskan untuk kegunaan

orang cacat penglihatan. Selain dari itu, usaha juga sedang dikaji untuk melatih guru agama dalam bahasa isyarat untuk membolehkan mereka mengajar orang cacat pendengaran ataupun orang-orang yang pekak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah pun mengadakan Minggu Kebajikan Negara mulai pada 14hb hingga 20hb Oktober yang lalu di mana themanya adalah "Kebajikan Tanggungjawab Bersama". Untuk menimbulkan kesedaran di kalangan orang ramai, beberapa aktiviti telah diadakan dalam Minggu tersebut sama ada di peringkat nasional, peringkat negeri ataupun peringkat institusi. Ini termasuklah bagi mengadakan pameran bagi hasil kerjatangan mereka yang berkenaan dan di sini suka saya menyatakan bahawa pameran hasil kerjatangan akan kita perbuat ataupun satu tempat khas akan diadakan di tiap-tiap buah negeri dan begitu juga satu pusat pameran di peringkat ibu pejabat ataupun di peringkat nasional untuk memperkenalkan kerja-kerjatangan yang dikeluarkan oleh semua institusi-institusi kebajikan ataupun yang dikelolakan oleh badan-badan sukarela dan lain-lainnya.

Dengan cara sedemikian bukan sahaja hasil daripada kerjatangan ini dapat diperolehi oleh mereka yang berkenaan dengan lebih berkesan lagi, bahkan akan memberi gambaran kepada orang ramai pada keseluruhannya bahawa orang-orang cacat, orang-orang miskin dan dhaif serta orang-orang tua ini juga mempunyai kebolehan jika diberi latihan, bimbingan dan seterusnya diberi kemudahan-kemudahan yang tertentu.

Minggu yang berkenaan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua pihak agar tanggungjawab ini tidak diletakkan semata-mata kepada

Kerajaan, bahkan oleh masyarakat dan juga badan-badan sukarela dan pertubuhan-pertubuhan kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama serta memberi sokongan terhadap pindaan Rang Undang-undang iaitu Akta Orang-orang Papa, 1977 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (MEMPERBADANKAN) LEMBAGA PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.59 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadangkan iaitu Suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan) 1985 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda beberapa peruntukan dalam Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, Akta 22 Tahun 1966 yang bertujuan seperti berikut:

- (a) Menukar dan menyesuaikan nama Lembaga;
- (b) Meminda tatacara perlantikan wakil-wakil Kerajaan Negeri dalam Lembaga;
- (c) Memperluaskan kuasa dan tugas FELCRA serta untuk membolehkannya bergerak di Sabah dan Sarawak;
- (d) Menubuhkan kumpulan wang rizab; dan
- (e) Memberi kuasa kepada FELCRA untuk menubuhkan perbadanan-perbadanan.

Dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua, suacita saya mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini latar belakang dan asas-asas pindaan-pindaan yang dikemukakan. Cadangan untuk menukarkan nama Lembaga dari Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara kepada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan seperti disebutkan dalam Fasal 2 Rang Undang-undang ini, adalah bertujuan untuk mensesuaikan nama Lembaga dengan panggilan pendeknya yang lebih dikenali iaitu FELCRA atau, dengan izin, Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority. Pertukaran nama ini tidak akan menyentuh apa-apa hak dan tanggungan Lembaga atau mencatatkan mana-mana perjalanan Rang Undang-undang.

Sehubungan dengan pertukaran namaini, Fasal 3 Rang Undang-undang pula adalah untuk meminda tajuk panjang Akta yang ada sekarang supaya sesuai dengan nama barunya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda prosedur atau tatacara perlantikan 3 orang wakil Kerajaan-kerajaan Negeri yang menduduki Lembaga FELCRA. Buat masa ini pencalonan 3 negeri yang akan mempunyai wakil dalam Lembaga FELCRA dibuat oleh Majlis Tanah Negara. Negeri-negeri berkenaan ini kelak akan mengemukakan nama-nama wakilnya kepada Yang Berhormat Menteri untuk perlantikan.

Adalah dirasakan proses perlantikan ini boleh dipercepatkan lagi sekiranya wakil-wakil Kerajaan Negeri dilantik terus oleh Yang Berhormat Menteri dan tidak perlu dicalonkan melalui Majlis Tanah Negara yang biasanya bermesyuarat sekali dalam setahun. Langkah ini juga akan dapat memastikan bahawa negeri-negeri yang mempunyai paling banyak rancangan-rancangan FELCRA atau masalah-masalah berkaitan akan tetap diwakili di dalam Lembaga FELCRA sendiri dan dengan demikian akan dapat melicinkan lagi perjalanan agensi tersebut.

Sebenarnya, pertukaran kaedah ini tidak membawa kehilangan hak atau kerugian kepada Kerajaan Negeri kerana wakil-wakil mereka tetap akan ada dalam Lembaga FELCRA. Langkah ini juga adalah selaras dengan cara perlantikan ahli-ahli dalam agensi-agensi lain di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah seperti FELDA, RISDA dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk meluaskan pemakaian Akta 22/66 ke negeri Sabah dan Sarawak

adalah untuk memberi kuasa kepada FELCRA untuk bergerak di negeri-negeri tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya FELCRA ada melaksanakan rancangan tanah keselamatan di Sarawak semenjak tahun 1978. Walaupun Akta 22/66 tidak terpakai di negeri tersebut, penglibatan FELCRA adalah atas arahan Majlis Keselamatan Negara yang mendapati masalah keselamatan di negeri tersebut pada masa itu agak berat. Di samping itu masih terdapat banyak kawasan tanah milik yang berpotensi untuk dimajukan secara penyatuhan dan pemulihan dan kepakaran yang ada pada FELCRA tentu sekali dapat membantu negeri-negeri tersebut untuk memajukan tanah-tanah berkenaan.

Fasal 6 Rang Undang-undang ini adalah untuk memperluaskan fungsi FELCRA dan menjelaskan lagi peranannya dalam menyatu dan memulihkan tanah. Untuk makluman, peruntukan-peruntukan dalam Akta yang ada sekarang ini tidak menyebut secara khusus peranan FELCRA dalam penyatuhan tanah dan pindaan ini perlu kerana FELCRA melaksanakan tugas tersebut. Selain dari itu, pindaan ini juga bertujuan untuk memberi kuasa kepada FELCRA untuk melaksana, menggalak dan menyelaras aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan program pemulihan dan penyatuhan tanah seperti pembangunan pertanian, perumahan, pengangkutan, kewangan, perdagangan, perindustrian dan sosial. Aktiviti-aktiviti ini tidak dapat dipisahkan kerana FELCRA mendekati program pembangunannya secara menyeluruh untuk memajukan masyarakat petani yang kebanyakannya di bawah taraf kemiskinan. Usaha ini juga termasuklah memberi bantuan kepada mana-mana pihak sama ada berupa pemberian ataupun pinjaman kewangan.

Fasal 7 Rang Undang-undang ini adalah untuk memberi kuasa kepada FELCRA melaksanakan tiga perkara berikut, iaitu:

- (a) Mengikut perjanjian dengan Pihak Berkua Negeri di mana FELCRA akan melaksanakan projek-projek;
- (b) Memegang tanah yang akan disatukan atau dipulihkan; dan
- (c) Mengikat perjanjian dengan pekerja-pekerja dan peserta-peserta rancangan tanah berkenaan.

Kuasa untuk melaksanakan ketiganya perkara ini adalah penting bagi FELCRA untuk menjamin hak dan kepentingan pihak-pihak yang terlibat tidak terjejas dan akan menentukan kelincinan perjalanan rancangan-rancangan pembangunan tanahnya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10 Rang Undang-undang ini adalah untuk FELCRA menubuhskan satu kumpulan wang rizab. Kumpulan wang rizab ini adalah perlu buat masa ini, khususnya apabila FELCRA mula memperolehi sumber pendapatan selain daripada peruntukan Kerajaan, seperti melalui aktiviti-aktiviti perniagaan, pemerosesan dan keuntungan-keuntungan dari perbadanan-perbadanan.

Sebenarnya, penubuhan kumpulan wang rizab ini adalah satu amalan biasa dan semua agensi-agensi pembangunan tanah dan pembangunan wilayah di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adalah mempunyai kumpulan wang rizab masing-masing. Pengwujudan kumpulan wang rizab ini akan dapat memudahkan lagi pengawalan perbelanjaan dan perakaunan pendapatan-pendapatan lain yang diterima. Fasal 12 Rang Undang-undang (Pindaan) ini adalah untuk memberi kebenaran kepada FELCRA

untuk menubuhkan perbadanan-perbadanan bagi menjalankan projek-projek yang difikirkan Lembaga mempunyai kewajipan. Buat masa ini FELCRA tidak dibenarkan menubuhkan perbadanan-perbadanan dan beberapa aktiviti commercial, seperti pemerosesan kelapa sawit diuruskan oleh pentadbiran FELCRA sendiri.

Dari pengalaman yang dialami oleh agensi-agensi seperti FELDA didapati bahawa setengah dari aktiviti-aktiviti ini adalah lebih efficient dilaksanakan secara pengurusan commercial. Melalui amatan pengurusan commercial, perbadanan-perbadanan boleh mendapatkan seberapa banyak keuntungan yang mampu dan keuntungan ini boleh diagihkan kepada peserta rancangan sama ada melalui dividen dan bonus, saham ataupun melalui projek-projek sosio-ekonomi yang akan dibiayai dari keuntungan perbadanan-perbadanan ini. Peserta-peserta atau koperasi-koperasi peserta juga akan berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti commercial dengan memiliki saham dalam perbadanan-perbadanan ini dan memberi kesempatan kepada peserta-peserta supaya tidak hanya bergantung kepada hasil pendapatan kebun semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan di atas adalah penting untuk membolehkan FELCRA melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan dan efficient. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, FELCRA telah diarah supaya menumpukan perhatian kepada pemulihan tanah terbiar yang sekarang ini berjumlah hampir 900,000 hektar semuanya dan FELCRA telah mengenal pasti seluas 560,000 hektar untuk dipulihkan menjelang tahun 1995. Pelaksanaan program ini bukanlah perkara mudah kerana ia memerlukan penglibatan semua pihak, termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri dan pemilik-pemilik

tanah sendiri dan FELCRA perlu dibekalkan dengan sokongan perundangan secukupnya untuk melaksanakan tugas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Memperbadankan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani.

6.10 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memulakan perbahasan dan dengan itu memberi pandangan dan serba sedikit memberi cadangan berkaitan dengan satu Akta yang bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan khususnya kepada FELCRA yang telah melalui pengalaman sejak 1966 berkaitan dengan masalah memulihkan dan seterusnya menyatukan tanah-tanah untuk membangunkan taraf sosio ekonomi pekebun-pekebun kecil kita di kampung-kampung merata negara ini. Saya percaya dengan adanya pengalaman yang begitu banyak sejak 1966 itu, maka pihak FELCRA mendapati telah tiba masanya untuk memperkuatkan lagi Akta 1966 supaya peranan dan sumbangan FELCRA akan dapat dimajukan lagi untuk kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh terhadap usaha yang akan ditumpukan oleh FELCRA pada masa yang akan datang dan saya percaya dengan adanya pindaan ini maka tumpuan ini akan dapat dijuruskan dengan lebih terperinci dan dengan lebih gigih lagi. Tumpuan yang diharapkan ialah supaya Lembaga ini akan dapat mengatasi masalah tanah terbiar di sekitar negara kita ini. Saya berpendapat bahawa masalah tanah terbiar yang mungkin telah dapat dikesan pada tahun 1966 ataupun tahun-tahun 60an dahulu, saya percaya kita sewajarnya memberi pujian kepada pimpinan pada masa itu yang telah dapat melihat masalah ini dan telah menubuhkan satu Lembaga, khusus untuk mengatasi masalah tersebut. Apatah lagi pada masa sekarang kerana kita dapat masalah tanah terbiar di kalangan masyarakat kita adalah lebih menonjol lagi dan ianya serba sedikit memberi kesan dan kejejasan terhadap ekonomi dan masyarakat di luar bandar.

Apabila saya mengatakan soal tanah terbiar sebagai satu masalah besar, saya juga melihatnya berdasarkan kepada beberapa alasan seperti berikut. Yang pertamanya, saya melihat tanah di negara kita ini sebagai salah satu daripada sumber pengeluaran negara kita. Kita melihat tanah sebagai satu sumber yang sewajarnya dapat dipadukan dengan sumber-sumber pengeluaran yang lain, seperti tenaga manusia, modal dan keupayaan, keusahawan yang ada dalam masyarakat kita. Jadi, kalau sekiranya tanah tidak dapat digunakan walaupun ianya sebagai satu sumber yang agak terhad dari segi pembekalannya untuk sesuatu masa pendek ataupun jangka masa yang panjang, kalau ianya ditinggal membazir dengan secara terbiar, ini merupakan satu keadaan yang tidak sewajarnya berlaku di dalam sesuatu ekonomi. Oleh yang demikian, kita mesti melihat tanah itu dan diletakkan

dalam bentuk nisbah, apakah nisbahnya tanah itu jika dibandingkan dengan buruh misalnya, sama ada ia adalah satu nisbah nilai yang tinggi ataupun rendah. Kalau nisbah tanah dengan buruh dikatakan rendah, maka besar kemungkinan keadaan daya pengeluaran sebegitu rupa, maka buruh akan dapat hasil daripada tanah pada tahap yang rendah. Oleh yang demikian, kita mesti mengubah nisbah yang rendah di antara tanah dengan buruh. Kalau kita biarkan tanah itu seperti yang ada sekarang, maka tidak dapat dielakkan nisbah itu akan berterusan pada tahap yang rendah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat tanah sebagai satu sumber pengeluaran dalam negara, sama ada dilihat dari segi ekonomi ataupun kemasyarakatan, maka tanah terbiar tadi adalah suatu yang membazir. Saya mencadangkan di sini bahawa tumpuan yang dibuat oleh FELCRA dalam bidang ini ialah supaya nisbah tanah dan manusia itu akan dipertingkatkan. Kalau kita tidak berbuat demikian, kalau sekiranya kita hanya meningkatkan nisbah tanah dengan modal sahaja, maaf, kalau kita terus menambah cuba meningkatkan pengeluaran dengan cara menambah modal dengan tanah yang ada sekarang, maka daya pengeluarannya akan tiba pada kedudukan yang paling optima dan tidak boleh melebihi daripada itu, kalau sekiranya bidang tanah tadi tidak dapat diperluaskan lagi. Terutama sekali kalau kita melihat dalam rangka satu keluarga yang mempunyai bidang tanah yang kecil, sejauh mana kita dapat mempertingkatkan daya pengeluaran keluarga tersebut dengan cara meningkatkan penggunaan modal sahaja. Saya faham bahawa dengan cara membaiki pertanian, amalan pertanian keluarga tersebut, insya Allah, melalui dengan modal daya pengeluaran keluarga itu akan bertambah baik, tetapi sejauh mana modal boleh meningkatkan

pendapatan ataupun daya pengeluaran untuk membasmi kemiskinan keluarga yang menghadapi keadaan seperti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kalau kita hendak menolong keluarga yang miskin dengan cara menambah penggunaan modal, maka kita juga sewajarnya cuba menolong mereka dengan menambah bidang tanah yang diusahakan oleh mereka. Jadi, dengan cara demikian saya percaya bahawa usaha untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan pekebun kecil melalui penggunaan tanah dengan sebaik-baiknya adalah satu cara yang paling waras dan sepatutnya diberi tumpuan oleh pihak FELCRA.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah hujah saya mengapa saya menyokong penuh tumpuan terhadap menggunakan tanah terbiar dengan secara yang optima.

Yang keduanya, saya melihat masalah tanah terbiar dari segi perubahan struktur masyarakat kita. Seperti yang pernah disebutkan oleh pemimpin kita ataupun yang pernah kita baca di sana-sini, apabila sesebuah masyarakat dan ekonomi itu berubah daripada keadaan yang tradisional yang menumpukan kepada bidang pertanian dan beralih kepada sektor yang lebih moden menekankan bidang pembuatan, maka lebih ramai tenaga manusia akan beralih daripada sektor pertanian yang berdasarkan kepada penggunaan tanah kepada sektor pembuatan yang berdasarkan kepada penggunaan modal dan teknologi. Makin lama kita akan menghadapi keadaan di mana peralihan tenaga manusia akan berlaku daripada satu sektor yang tradisional kepada sektor yang moden. Oleh yang demikian, kalau kita tidak betul-betul mengawasi keadaan, maka akan lebih ketara dan menonjol lagi masalah tanah terbiar ini. Lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua, maka tumpuan pindaan Akta ini ke arah

mengguna tanah terbiar secara yang terbaiknya adat suatu yang patut digalakkan oleh kita.

Satu lagi perkara yang mungkin tidak dapat diatasi melalui pindaan Akta ini, tetapi akan terus membimbangkan kita dalam soal ini ialah adanya amalan-amalan adat dalam masyarakat kita yang akan terus memecahbelahkan bidang tanah sebegitu rupa, ianya tidak dapat diusahakan dan akan terus terbiar. Ada amalan masyarakat di mana mewarisi tanah adalah sebegitu rupa, maka ia terpaksa dipecahbelahkan sehingga sesuatu keluarga itu tidak akan ingin ataupun tidak akan cenderung untuk mengusahakan kerana ianya tidaklah begitu menguntungkan ataupun tidak ekonomik bidangnya.

Selain daripada soal adat dan amalan, kita juga terpaksa meneliti tentang adanya dan implikasi daripada hukum faraid yang diamalkan dalam masyarakat Islam dan orang Melayu di negara kita ini. Berdasarkan kepada apa yang dianjurkan dan hukum yang ada di dalam faraid itu dan amalan yang dibuat oleh masyarakat Islam di tanahair kita ini, maka ianya akan terus membawa perubahan-perubahan yang akan membanyakkan lagi masalah ataupun meningkatkan lagi masalah tanah terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi hujah mengapa kita terpaksa memperkemaskan lagi FELCRA untuk menghadapi masalah ini ialah kita lihat usaha yang dibuat oleh FELCRA hingga kini adalah suatu usaha yang sungguh menggalakkan. Kita ke sana ke mari ke rantau negara kita untuk membuka tanah-tanah yang baru supaya keluarga yang tidak bertanah berkesempatan untuk mendapat tanah dan seterusnya mengusahakan tanah tersebut. Tetapi pengalaman FELCRA adalah begitu lama untuk menunjukkan kepada kita bahawa generasi yang mewarisi

peneroka-peneroka pada masa dahulu telah mula mengubah pandangan ke arah yang lain dan sekali lagi kita menghadapi suasana di mana sama ada dari segi mereka yang mewarisi tanah-tanah tersebut tidak cenderung mengusahakan tanah-tanah itu ataupun kekurangan bekalan buruh untuk mengerjakan tanah-tanah yang baru kita buka 20 tahun yang lampau.

Akhirnya, satu hujah lagi yang menguatkan sokongan saya ialah FELCRA adalah sesuatunya lembaga yang ada di dalam Kerajaan yang menumpukan tenaganya terhadap masyarakat tempatan dan pembangunan adalah dibuat secara *in-situ*. Ini adalah suatu yang sungguh di harap-harapkan oleh masyarakat kampung.

Kita maklum bahawa di dalam negara kita ini terdapat banyak lembaga-lembaga di peringkat pembangunan wilayah, tetapi sebahagian besar daripada masyarakat kampung adalah masyarakat yang tidak termasuk di dalam pembangunan wilayah-wilayah tersebut dan ianya adalah semata-mata mengharapkan kepada pembangunan dengan cara memberi peruntukan keperluan-keperluan asas seperti api, air, jalan raya, masjid, sekolah, klinik sahaja, tetapi kita tidak mempunyai sesuatu usaha yang teratur dari segi membangunkan taraf sosio-ekonomi khususnya taraf ekonomi masyarakat tersebut. Ianya semata-mata terletak kepada usaha secara berasingan sama ada ianya datang daripada Jabatan Haiwan ataupun Jabatan Pertanian ataupun LPP ataupun RISDA dan sebagainya. Jadi, kadangkala kita mendapati sekurang-kurangnya daripada pengalaman saya yang cetek di peringkat daerah dan di peringkat mukim dan kampung, biasanya orang-orang kampung di kampung-kampung tradisional mereka hanya mendapat pembangunan melalui keperluan-keperluan asas. Itupun kalau keperluan asas itu datang

secepat mungkin. Ada kampung yang masih lagi terbiar sebegitu rupa sehingga keperluan-keperluan asas itu masih lagi belum dapat dibekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sungguh tinggi harapan saya terhadap FELCRA supaya pembangunan *in-situ* itu dapat dilaksanakan oleh mereka pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sambil saya meletakkan harapan saya kepada FELCRA, saya juga cuba mengamati cara FELCRA melaksanakan rancangan-rancangan mereka. Saya dapati bahawa perancangan FELCRA dan seterusnya pelaksanaan rancangan-rancangan tersebut adalah sungguh teratur dan sistematik, sama ada pembangunan FELCRA itu dijalankan secara kooperatif perladangan bersama dengan cara memberi saham kepada mereka yang bersama-sama di dalam perladangan bersama itu dan seterusnya mengupah mereka sebagai pekerja.

Sambil itu pula kita mempunyai langkah di mana FELCRA mengadakan pembangunan secara lot demi lot dan kita maklum bahawa FELCRA menentukan apakah jenis tanaman yang akan diusahakan berdasarkan kepada kesesuaian tanah-tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selepas meletakkan sebab-sebab dan hujah-hujah mengapa kita sewajarnya mempunyai keyakinan terhadap peranan dan usaha yang dibuat oleh FELCRA, saya ingin membahaskan seterusnya pandangan saya mengenai apa yang sewajarnya ditekankan pada masa hadapari.

Saya berpendapat bahawa FELCRA mestilah membuat dua tumpuan penting dalam usahanya pada masa hadapan. Yang pertama, ialah mesti menekankan tentang soal pembasmian kemiskinan di tahap

mana yang kita boleh. Yang kedua, FELCRA mestilah berusaha sebegitu rupa bahawa kegiatannya serba sedikit dapat membantu masalah di-peringkat makro untuk ekonomi kita dan negara kita.

Apabila saya mengatakan soal kemiskinan, saya ingin mendekati perkara itu dari segi yang agak makro. Saya berpendapat bahawa sebab-sebab berlakunya kemiskinan di kalangan keluarga kita di kampung sering diperkatakan bahawa daya pengeluarannya rendah, sering dikatakan bahawa tahap pencapaian pelajarannya juga rendah dan juga selalu diperkatakan ianya tidak dapat peluang ataupun dalam bahasa Inggerisnya opportunity untuk mendapat sesuatu sama ada dari segi pekerjaan, perniagaan dan seterusnya. Tetapi yang paling penting dalam perbahasan kita mengenai pindaan Akta ini ialah soal tanah.

Di dalam soal tanah ini saya percaya bahawa pihak Menteri khususnya dan pihak Kementerian amnya maklum tentang masalah tanah ini. Masalah tanah dikatakan satu masalah struktur yang tak dapat dibaiki dengan secara

pada mukanya sahaja, ia mesti diatasi dengan cara mengesannya di peringkat akar umbi masalah struktur itu.

Kita sedia maklum bahawa walau macam manapun kita hendak meningkatkan daya pengeluaran sesuatu keluarga itu yang mengusahakan tanah melalui menggunakan teknologi yang lebih tinggi, amalan pertanian yang lebih baik dan moden, ianya ada had, kalaupun ia bertambah dari segi pendapatan, kalau sekiranya bidang tanah itu masih lagi kecil, ia mungkin tidak dapat meningkatkan pendapatan melampaui daripada batasan ataupun garis kemiskinan sesuatu keluarga.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, minta maaf, masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan hingga jam 3.00 petang hari esok, Jumaat, 6hb Disember, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.